

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kelas:
No Perolehan:
Tarikh:

KAJIAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT JAWA DI SARAWAK:
SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG SRI ARJUNA

PAIMON FASHAR
No. Matrik: 058719

Projek Penyelidikan
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
59100 Kuala Lumpur

Sesi 1993/94

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Pertama-tama sekali, saya ingin merakamkan sejuta penghargaan dan terima kasih saya kepada Professor Datuk Dr. Zainal Kling di atas kesudian beliau menerima saya sebagai pelajar seliaannya. Sesungguhnya, ini suatu pengalaman yang manis dan sekaligus, saya takkan pernah melupakan nama Datuk Dr. Zainal Kling dalam diari kehidupan saya. Kesabaran, ketenangan dan senyumannya banyak memberi sumber inspirasi kepada saya dalam proses menyiapkan kajian projek penyelidikan yang tidak seberapa ini. Semoga Datuk akan terus sukses pada hari-hari yang mendatang.

Buat Professor Madya Dr. Tan Chee Beng, pengalaman bersama beliau sewaktu melakukan kajian luar juga sukar dilupakan. Beliau turut sama basah kuyup kerana hujan lebat petang Jumaat, 14 Mei 93 sewaktu dalam perjalanan kembali ke Hotel Telang Usan, Kuching kerana menaiki motor-sikal tua saya. Kenangan ini adalah semanis kopi panas yang kami hirup bersama di hotel berkenaan.

Terima kasih juga buat penduduk-penduduk Kampung Sri Arjuna yang cukup banyak membantu saya sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada Ketua Kampung, Haji Dollah Wongso dan semua ahli JKKK kampung berkenaan di atas segala sumbangan dan maklumat yang diberikan.

Tidak lupa juga buat teman-teman serumah; Sharom, Faizal, Adli dan Panjang di Flat Taman Bukit Angkasa. Kesabaran mereka mendengar bunyi ketukan mesin taip setiap malam dan subuh cukup mengharukan saya. Buat Sharom, jutaan terima kasih kerana terlalu banyak memahami dan mengalah dengan kerenah-kerenah saya. Jasa baik kalian tidak pernah saya lupakan.

SINOPSIS

Projek penyelidikan ini dijalankan di Kampung Sri Arjuna, Batu 11, Jalan Penrissen, Kuching, Sarawak. Tumpuan masyarakat yang dikaji ialah masyarakat Jawa di kampung berkenaan.

Kajian ini dilakukan bagi mengkaji aspek-aspek sosio-ekonomi masyarakat Jawa di kampung tersebut. Justeru itu, pengkaji telah membahagikan perbincangan ini kepada enam bab mengikut aspek-aspek yang berbeza.

Dalam bab pertama, pengkaji menerangkan tujuan kajian serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji sewaktu menjalankan kajian dan penyelesaian kepada permasalahan yang timbul.

Pada bab kedua, pengkaji menghuraikan latarbelakang dan lokasi kawasan yang dikaji, kemudahan-kemudahan awam dan latarbelakang masyarakat Jawa di kampung berkenaan.

Di dalam bab ketiga, pengkaji telah menghuraikan dengan panjang tentang latarbelakang responden, saiz responden, pembahagian ketua rumah, bentuk keluarga serta bilangan anak responden.

Bab keempat pula menjuraskan pembicaraannya terhadap kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Jawa di sini. Ia merangkumi aspek-aspek seperti pekerjaan, pendapatan, pemilikan tanah, simpanandan pola penggunaan di kalangan penduduk kampung tersebut. Dalam bab ini juga, pengkaji turut membicarakan aspek stratifikasi sosial yang ada kesinambungan dengan aspek-aspek ekonomi tadi.

Seterusnya, dalam bab kelima, pengkaji memberi tumpuan kepada beberapa aspek sosial seperti agama, perhubungan sosial, permasalahan perkahwinan campur dan pendidikan yang turut mewarnai kehidupan dan identiti masyarakat Jawa di Sarawak khususnya di kampung yang dikaji. Dalam aspek agama, pengkaji menjuruskan pemerhatian kepada amalan-amalan sinkretisme yang masih diamalkan oleh masyarakat tersebut.

Bab keenam merupakan kesimpulan terhadap segala aspek yang telah dibincangkan dalam bab-bab sebelumnya. Pengkaji telah membuat kesimpulan mengenai situasi dan corak kehidupan sebenar masyarakat Jawa di Kampung Sri Arjuna pada masa kini dan melihat imej serta identiti mereka pada masa hadapan. Pengkaji juga turut menyimpulkan beberapa kejayaan dan kelemahan yang terdapat pada masyarakat tersebut serta nilai-nilai yang membawa kepada perubahan-perubahan itu.

DAFTAR KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
DAFTAR KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI PETA	viii
SENARAI GAMBAR	viii
BAB 1 : PENGENALAN	
1.0 : Pengenalan	1
1.1 : Skop dan Kajian	2
1.2 : Kaedah Kajian	2
1.3 : Sampling Responden	5
1.4 : Masalah Kajian	6
BAB 2 : LATARBELAKANG KAMPUNG DAN KOMUNITI JAWA	
2.0 : Pengenalan	12
2.1 : Lokasi Tempat Kajian, Pengangkutan dan Perhubungan	13
2.2 : Kemudahan-kemudahan Tempat Kajian	15
2.3 : Kemudahan Awam	17
2.4 : Latarbelakang Masyarakat Jawa Kampung Sri Arjuna	18
2.5 : Bahasa Masyarakat Jawa di Kampung Sri Arjuna	22
BAB 3 : LATARBELAKANG RESPONDEN	
3.0 : Pengenalan	25
3.1 : Pembehegian Ketua Rumah Mengikut Jantina	26

3.2	: Peringkat Umur Ketua Rumah dan Isteri	27
3.3	: Bentuk Keluarga dan Famili	30
3.4	: Bilangan Anak Responden	33
3.5	: Saiz Responden	35
BAB 4 : EKONOMI		
4.0	: Pengenalan	38
4.1	: Aktiviti Ekonomi	38
4.2	: Tempat Responden Bekerja	43
4.3	: Pekerjaan Sampingan	44
4.4	: Tanah	45
4.5	: Pendapatan	51
4.6	: Stratifikasi Sosial	54
4.7	: Simpanan	57
4.8	: Pola Penggunaan	60
BAB 5 : SOSIAL		
5.0	: Pengenalan	64
5.1	: Amalan Sinkretisme	64
5.2	: Perhubungan Sosial	67
5.3	: Perkahwinan Campur	69
5.4	: Pendidikan	75
BAB 6 : KESIMPULAN		
BIBLIOGRAFI		85
SENARAI GAMBAR		92
SENARAI PETA		94
		96

SENARAI JADUAL

Jadual 1 :	Bilangan Rumah Sesebuah Lorong.	25
Jadual 2 :	Bentuk Keluarga Bagi 50 Rumahtangga.	32
Jadual 3 :	Bilangan Anak Responden.	34
Jadual 4 :	Bilangan Ahli Dalam Rumah.	35
Jadual 5 :	Bilangan Pekerjaan Dan Bilangan Orang	39
Jadual 6 :	Jumlah Penglibatan Dalam Pertanian.	40
Jadual 7 :	Jumlah Penglibatan Di Luar Bidang Pertanian.	42
Jadual 8 :	Tempat Responden Bekerja.	43
Jadual 9 :	Pekerjaan Sampingan Yang Dilakukan Oleh Responden.	44
Jadual 10 :	Pemilikan Tanah Bagi 50 Keluarga Di Kampung Sri Arjuna .	46
Jadual 11 :	Cara Pemilikan Tanah .	50
Jadual 12 :	Jumlah Pendapatan Ketua Keluarga	52
Jadual 13 :	Jumlah Pendapatan Keseluruhan Keluarga	53
Jadual 14 :	Jenis-jenis Simpanan	59
Jadual 15 :	Persekolahan Ketua Keluarga	77

SENARAI RAJAH

Rajah 1	:	Pembahagian Ketua Rumah Mengikut Jantina .	26
Rajah 2	:	Tingkat Umur Ketua Rumah Dan Isteri.	29

SENARAI PETA

Peta 1	:	Negeri Sarawak	96
Peta 2	:	Lakaran Kampung Sri Arjuna	97

SENARAI GAMBAR

Gambar 1	:	Masjid Darul Iman Yang Terdapat Di Kampung Sri Arjuna	94
Gambar 2	:	Papan Tanda Kampung Sri Arjuna	94
Gambar 3	:	Salah Seorang Penduduk Kampung Sri Arjuna Yang Menjalankan Perniagaan Runcit	95
Gambar 4	:	Suruau Kecil Yang Terdapat Di Lorong 7	95

BAB 1

1.0 PENGENALAN

Masyarakat Jawa merupakan salah satu komuniti **minoriti** di Sarawak sehingga ramai yang tidak mengetahui kewujudan komuniti tersebut di Bumi Kenyalang ini. Sebenarnya, komuniti Jawa di Sarawak memiliki 'social valuenya' yang tersendiri. Lebih-lebih lagi mereka ini dikatakan masih dikongkangi adat-adat tradisional Jawa kuno yang sememangnya menjadi unsur terpenting dalam budaya Jawa kuno. Selain itu, mereka dikatakan masih agak mundur dan ketinggalan dalam pelbagai bidang. Jika dibandingkan dengan masyarakat Jawa di Semenanjung, ternyata masyarakat Jawa di Sarawak agak jauh tertinggal, malah mungkin tidak menyamai langsung arus pemodenan yang diterima oleh masyarakat Jawa di Semenanjung.

Kajian-kajian mengenai masyarakat Jawa banyak dilakukan di Semenanjung khasnya yang berkaitan dengan dialek Jawa untuk tujuan kajian Linguistik. Patimah Hj. Soib (1991) misalnya mengkaji tentang adat perkahwinan dan pantang-larang masyarakat Jawa di Daerah Kuala Langat, Selangor. Kajian tentang pantang-larang ini juga dijalankan oleh Marlina Bt. Mohd. Ghazali (1987) kepada masyarakat Jawa di Sabak Bernam, Selangor. Rohaya Abdul Moine (1975) mengkaji tentang perubahan dalam masyarakat Jawa dari segi keseluruhan aspek.

Namun demikian, belum ada sebarang tinjauan dan kajian khusus tentang masyarakat Jawa di Sarawak. Lantaran itu, pengkaji merasa terpanggil untuk melakukan satu kajian tentang komuniti Jawa di negeri ini istimewa sekali dilihat dari sudut sosio-ekonomi. Justeru itu, kajian ini akan menjurus ke arah bidang sosial dan ekonomi sebagai

landasan kajiannya. Dalam kajian ini, lokasi yang menjadi sasaran kajian ialah di Kampung Sri Arjuna, Daerah Penrissen, Kuching, Sarawak. Selain bidang sosial dan ekonomi sebagai tumpuan, kajian akan turut mencakupi beberapa aspek lain yang dianggap penting dan berkaitan. Kajian ini tidak dapat 'melarikan diri' daripada meninjau latar belakang komuniti ini di Sarawak dan juga latar belakang tempat kajian dijalankan.

1.1 SKOP DAN TUJUAN KAJIAN

Tujuan projek penyelidikan ini ialah untuk mengkaji masyarakat Jawa di Sarawak khususnya di Kampung Sri Arjuna dari segi perspektif ekonomi dan sosial. Kajian ini bukanlah untuk membuktikan sebarang teori atau mengesahkan sebarang hipotesis baru. Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji kampung ini dari sudut sosial dan ekonomi. Aspek-aspek ekonomi dan sosial tidak boleh dipisahkan kerana aspek-aspek tersebut adalah saling berkaitan dan saling pengaruh-mempengaruhi di antara satu sama lain. Aspek-aspek sosial yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah yang bersangkutan dengan pendidikan dan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan, manakala aspek ekonomi pula akan menyentuh tentang pendapatan, stratifikasi sosial, pekerjaan tanah dan perbelanjaan penduduk di kampung ini.

1.2 KAEDAH KAJIAN

Kajian dibuat berdasarkan 7 lorong yang terdapat di kampung tersebut. Pengkaji telah menjalankan kajian bermula daripada 15 April, 1993 hingga 15 Jun, 1993.

Pengumpulan data telah dijalankan menerusi beberapa kaedah:-

1. Kajian perpustakaan dan sumber-sumber perpustakaan.

Kajian perpustakaan ini adalah penting untuk mendapatkan panduan daripada kajian-kajian sebelumnya.

Pengkaji telah membuat kajian perpustakaan di:-

- (a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- (b) Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya.

Penyelidikan perpustakaan meliputi buku-buku dan latihan-latihan ilmiah.

2. Temubual secara tidak formal dengan:-

- (a) Ketua Kampung dan Ketua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung tentang latar belakang kampung yang akan dikaji, penduduk, keadaan sosio-ekonomi dan persekitarannya untuk mendapatkan maklumat asas.
- (b) Temubual dengan responden.

Ini dilakukan bagi melengkapkan maklumat yang tidak dapat diperolehi melalui kaedah temuduga yang didasarkan pada soal-selidik. Melalui perbualan ini, dapat mewujudkan satu hubungan yang mesra di antara pengkaji dan responden. Pengkaji mendapati responden lebih gemar dan bersedia serta lebih tenang untuk ditemubual daripada ditemuduga. Walaupun dalam proses temubual, banyak perkara yang tidak penting diselang-selikan, namun secara tidak langsung pengkaji dapat mengumpulkan maklumat-maklumat lain yang dirasakan penting dalam kajian ini. Responden pula akan tidak terlalu 'bina' dan dapat memberikan gambaran

yang lebih jelas tentang sesuatu perkara. Berbanding dengan temuduga, soalan temubual yang dikemukakan walaupun tidak begitu sistematik dan tidak dicatat pada masa itu juga, namun ia dapat mengelakkan responden daripada bersikap syakwasangka terhadap diri pengkaji.

3. Temuduga berdasarkan soal-selidik yang telah disediakan terlebih dahulu oleh pengkaji.

Soal-selidik tersebut mengandungi soalan yang telah dibentuk khas untuk mengumpul data kajian dan untuk mendapatkan data dari responden. Ia merupakan perhubungan 'face to face' atau bersewaka dengan responden. Feedah menggunakan soal-selidik yang sekata adalah nyata iaitu antara lain:-

- (a) Tiap-tiap responden disoal dengan soalan yang sama.

Ini membolehkan penyelidik membuat perbandingan antara seorang responden dengan responden lain atau antara sekumpulan responden dengan yang lain; dan kalau data yang dikumpul itu hendak diproses dengan komputer, tidak ada jalan lain selain daripada menggunakan soal-selidik yang sekata.

- (b) Ia mempercepatkan kerja mengumpul data dan memastikan mutu data yang dikumpul.

- (c) Mudah untuk memproses data itu kelak.¹

Soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal-selidik ini terdiri daripada dua bentuk iaitu:-

- (a) Soalan 'structured' atau soalan tertutup.
- (b) Soalan 'unstructured' atau secara terbuka.

Bezanya, dalam soalan yang berbentuk tertutup, soalan-soalan yang dikemukakan mempunyai jawapan-jawapan yang tersedia dan responden terpaksa memilih jawapan yang telah disediakan itu ataupun menjawab soalan-soalan yang hanya memerlukan jawapan 'ya' atau 'tidak'. Soalan berbentuk begini memang menepati jawapan dan mudah dianalisis. Kelemahan cara ini ialah jawapan yang diberikan oleh responden itu kadangkala tidak terdapat dalam kategori jawapan-jawapan yang telah disediakan itu dan kadang-kadang pengkaji seolah-olah memaksa responden membuat pilihan. Bentuk soalan secara tertutup ini merangkumi soalan-soalan yang berkaitan dengan diri responden serta familinya seperti umur, jantina, bilangan keluarga, tahap pendidikan, jenis kerja sama ada tetap ataupun sambilan dan sebagainya.

Bagi soalan terbuka, pengkaji hanya memberikan soalan dan membenarkan responden menjawab mengikut pilihannya sendiri atau mengikut pengertiannya terhadap soalan tersebut. Namun begitu, soalan begini banyak menimbulkan masalah kerana jawapan yang diberikan mungkin berbeza di antara satu responden dengan responden yang lain. Jadi, adalah sukar untuk melihat perbandingan. Kadangkala, ia tidak boleh menandatangani jawapan sebagaimana yang dikehendaki oleh pengkaji. Ia juga mungkin menyebabkan banyak masa terbuang iaitu apabila responden bercekap hingga terkeluar daripada tajuk perbualan asal.

Lagipun, jawapan-jawapan yang sebegini adalah agak sukar untuk dianalisis. Soalan-soalan yang sering dikemukakan melalui bentuk ini adalah soalan-soalan mengenai pendapat atau persepsi responden.

4. Pengkaji turut menggunakan kaedah pemerhatian secara langsung (direct observation).

Dengan kaedah ini, penyelidik akan memerhati gerak-geri unsur asas yang hendak dikaji. Ia sangat berguna terutama ketika pengkaji membuat temubual di rumah responden. Ini dapat dijadikan sebagai 'countercheck' iaitu dengan melihat keadaan rumah dan kelengkapan apabila menyentuh soalan-soalan seperti pendapatan, pemilikan tanah dan harta. Begitu juga keadaan di sekeliling rumahnya. Ia dapat memberi maklumat seperti sama ada responden menggunakan tanah lapang yang ada untuk bercucuk tanam atau memelihara binatang bagi membahayakan pendapatan atau memenuhi keperluan harian ataupun tidak.

1.3 SAMPLING RESPONDEN

Sewaktu menjalankan kajian, pengkaji telah memilih seramai 50 orang responden iaitu terdiri daripada ketua-ketua keluarga. Daripada 50 responden itu, 46 daripadanya adalah ketua keluarga lelaki dan 4 orang ketua keluarga perempuan. Apa yang dipentingkan ialah mereka ini semestinya tinggal menetap di kawasan yang dikaji, sama ada kerana mereka dilahirkan, dibesarkan dan bekerja serta

menetap di sini atau mereka mungkin lahir di tempat lain tetapi datang menetap di sini disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti perkahwinan, pekerjaan dan sebagainya. Pemilihan responden adalah dengan menggunakan Kaedah Sistematis Sampling daripada banci Listing iaitu memilih 50 responden daripada 80 ketua keluarga. Satu banci Listing dijalankan dahulu sebelum kaedah Sistematis Sampling digunakan. Banci Listing dijalankan untuk mendapatkan jumlah keluarga yang terdapat di kawasan kajian. Banci Listing ini memakan masa seminggu kerana rumah-rumah di kampung-kampung tersebut adalah terletak agak berjauhan dan bertaburan di antara satu sama lain.

1.4 MASALAH KAJIAN

Memang sudah menjadi lumrah bahawa setiap kajian itu pasti berhadapan dengan masalah. Pengkaji misalnya terpaksa berhadapan dengan masalah-masalah responden itu sendiri. Ada responden yang bersikap prejudis dan ragu-ragu untuk memberi kerjasama sewaktu diminta memberi keterangan-keterangan yang diperlukan oleh pengkaji. Ada yang menganggap pengkaji adalah dari pihak kerajaan yang datang untuk menyiasat tanah dan harta mereka atau membuat bancian. Ini adalah kerana pengkaji telah menjalankan banci Listing sebelumnya. Ada pula yang menganggap pengkaji datang untuk meninjau cara kehidupan mereka dan seterusnya membuat laporan untuk menyedarkan pihak tertentu agar melakukan pembaharuan di kampung tersebut. Walau bagaimanapun,

masalah tersebut dapat juga diatasi dengan memberikan keterangan-keterangan dan penjelasan tentang tujuan sebenar pengkaji di samping meminta bantuan dari Ketua Kampung, Ketua Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung serta beberapa orang yang dihormati di kampung tersebut. Mereka telah meyakinkan responden tentang tujuan sebenar pengkaji menjalankan kajian. Adakalanya, pengkaji turut membawa ibu dan ayah pengkaji untuk menemani pengkaji bagi membuktikan pada responden bahawa pengkaji adalah seorang mahasiswa universiti yang sedang membuat kajian. Faktor 'mahasiswa universiti' ini juga ada waktunya menimbulkan sedikit masalah kepada pengkaji kerana pengkaji telah diberikan layangan yang 'berlebih-lebihan' daripada pihak responden terutamanya responden yang mempunyai anak dara yang ramai.

Selain daripada itu, masalah utama yang dihadapi ialah dari segi masa untuk menemui responden kerana mereka sibuk dengan aktiviti-aktiviti harian. Misalnya, di sebelah pagi ada yang pergi menoreh getah, di sebelah tengah hari mereka perlu berehat dan di sebelah petang pula ada yang bekerja di kebun, berjalan-jalan dan sebagainya. Kebanyakan responden hanya akan berada di rumah pada waktu petang dan malam. Pengkaji berasa kurang elok atau sesuai untuk mengganggu responden pada sebelah tengah hari kerana itulah masa untuk mereka berehat. Oleh kerana masa untuk menemui responden amat terhad, maka masa yang sesuai untuk pengkaji ialah di sebelah tengah hari dan petang. Kadang-kadang, perbincangan atau temubual itu akan berlanjutan dan adakalanya pengkaji hanya dapat menghasilkan dua atau tiga borang

pada satu-satu hari. Pada pendapat pengkaji, soal menghabiskan borang soal-selidik secara terburu-buru tidak akan berfaedah kerana pemerhatian dan pengetahuan yang padat haruslah melebihi segala-galanya.

Soal-selidik dirasakan agak panjang. Ia mengambil masa tidak kurang daripada 1 jam tetapi selalunya melebihi $1\frac{1}{2}$ jam. Ini dapat dilihat melalui kegelisahan responden ketika memberi jawapan. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana semua soalan yang dikemukakan adalah penting. Pengkaji hanya dapat memendekkan masa dengan mengemukakan soalan-soalan dengan seberapa tepat dan padat yang boleh. Faktor kegelisahan ini mungkin juga timbul disebabkan responden telah ditemui ketika baru pulang dari kerja dan perlu rehat ataupun responden perlu cepat turun ke kebun untuk menyiapkan kerja. Hal ini tidak dapat diatasi kerana tiada masa lain yang lebih sesuai untuk menemui responden. Adakalanya, pengkaji terpaksa juga menemui responden di sebelah malam walaupun ini sebenarnya sangat mengganggu 'privacy' mereka. Ini disebabkan ketua keluarga mereka hanya dapat ditemui pada sebelah malam. Pengkaji juga turut menemui responden di surau terutamanya selepas sembahyang maghrib atau Isyak.

Oleh kerana soal-selidik memerlukan kerjasama dari ketua-ketua rumah, masalah timbul kerana kebanyakan responden bekerja makan gaji. Ada juga soal-selidik yang memerlukan keterangan dari pihak isteri terutama dari segi pola perbelanjaan. Dengan itu, adakalanya pengkaji terpaksa berulang ke rumah seseorang responden tersebut. Walau bagaimanapun, masalah ini dapat diatasi dengan membuat janji terlebih

dahulu dengan responden.

Semasa kajian sedang dijalankan, masalah timbul apabila hari hujan. Hujan yang turun dengan lebat beberapa kali semasa membuat kajian menyebabkan kesukaran dan penangguhan dalam penyelesaian kajian.

Masalah juga timbul kerana jarak di antara satu rumah dengan rumah lain yang dikaji adalah agak jauh. Ada di antara rumah-rumah yang dikaji itu jaraknya di antara $\frac{1}{2}$ batu. Pengkaji terpaksa mengambil masa sedikit untuk pergi ke rumah-rumah responden. Masalah ini dapat diatasi dengan menggunakan basikal tua milik ayah pengkaji.

Pengkaji juga menghadapi kesulitan kerana terdapat sebilangan pekebun kecil yang tidak memberikan maklumat sebenar, khususnya mengenai harta-benda mereka. Misalnya, mengenai hakmilik tanah, ramai yang didapati telah memberikan jawapan kurang daripada keluasan sebenar yang dimiliki. Mereka seperti ragu-ragu untuk memberikan jawapan yang sebenar. Untuk memastikan data-data yang diberikan adalah benar, pengkaji telah membuat 'cross-check' dengan jiran-jiran responden.

Pengkaji juga menghadapi masalah dalam mendapatkan data-data mengenai pendapatan perbelanjaan bulanan responden. Ini disebabkan pendapatan mereka tidak tetap. Mereka banyak bergantung kepada keadaan cuaca, musim dan kesihatan mereka. Begitu juga dari segi perbelanjaan bulanan. Kebanyakan mereka tidak membuat 'budget' perbelanjaan tersebut. Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji terpaksa membuat anggaran secara purata. Dengan kata lain, segala data yang diperolehi bukan merupakan pendapatan dan perbelanjaan yang tetap tetapi sekadar purata sahaja.

Terdapat juga data-data yang diberikan oleh responden berdasarkan ingatan sahaja. Misalnya, tarikh mereka membeli tanah, membeli kenderaan dan lain-lain lagi. Ini disebabkan mereka tidak menyimpan rekod-rekod berhubung dengan perkara tersebut.

Pengkaji juga terpaksa menghadapi masalah sampingan seperti pertanyaan-pertanyaan daripada responden berhubung dengan diri pengkaji sendiri, hal peribadi, keluarga, pendidikan dan sebagainya. Ini kadangkala mengelirukan dan mengganggu pengkaji untuk menyelidik mereka di samping terpaksa mengambil masa yang lama untuk bertembual dengan mereka.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan keedah pemerhatian ikut-serta (participant observation) yang merupakan satu cara yang paling berkesan bagi memahami masyarakat kampung secara lebih mendalam. Pengkaji berusaha menjalinkan hubungan yang mesra dengan orang yang dikaji. Pengkaji juga sedikit-sebanyak telah menghadiri aktiviti-aktiviti di kampung seperti kenduri dan lain-lain lagi.

NOTA Hujung

1. Ahmad Mahzen Ayob, Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi - Suatu Pengenalan, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L., m/s 55.

University of Malaya

BAB 2 LATARBELAKANG KAMPUNG DAN KOMUNITI JAWA

2.0 PENGENALAN

Kampung Sri Arjuna - demikianlah kampung ini diberi nama dan nama kampung ini sebenarnya disandarkan pada nama seorang wira dalam legenda Hinduisme iaitu Dewa Arjuna. Sebagaimana yang diceritakan oleh ketua kampung, Haji Dollah Wongso¹, kepada pengkaji, nama Sri Arjuna ini diambil dengan harapan agar kampung ini akan 'menghasilkan' wira yang boleh berbakti kepada masyarakat dan menjadi kebanggaan kepada penduduk kampung ini. Namun demikian, nama Sri Arjuna ini hanya mula digunakan pada tahun 1975. Sebelum itu, kampung ini hanya lebih dikenali sebagai Kampung Batu 11 berdasarkan kedudukan dan lokasi kampung ini yang terletak kira-kira 11 batu dari Bandar Kuching. Selepas Perang Dunia Kedua, kampung ini asalnya hanyalah didiami oleh 4 buah keluarga penoreh getah dalam sebuah bangsal pekerja yang disediakan oleh tauke Cina yang memiliki ladang getah tersebut. Hari ini, kampung ini mempunyai tidak kurang 80 buah rumah dengan jumlah penduduk tidak kurang daripada 200 orang.

Kampung ini merupakan sebuah kampung yang berbukit-bukau dan pada mulanya dikelilingi dengan kebun-kebun getah. Namun, kebun-kebun getah ini mulai berkurangan menjelang akhir tahun 70-an dan awal 80-an kerana kemerosotan harga getah di pasaran. Sejak itu, masyarakat Jawa di sini mula mengalihkan perhatian mereka pada tanaman lada. Malangnya, tanaman tersebut juga mengalami nasib yang serupa dengan getah. Lantas, sebahagian besar daripada mereka terpaksa

mengalihkan perhatian pada pekerjaan lain untuk menampung keperluan hidup. Jika adapun yang meneruskan kerja-kerja pertanian, mereka cuma sekedar menanam sayur-sayuran bagi dijual di Pekan atau Pasar Batu 10. Walau bagaimanapun, sesuatu yang unggul tentang masyarakat Jawa di sini ialah sehingga hari ini, mereka masih tidak melupakan tanaman ubi kayu atau 'singkong' dalam bahasa Jawa. Malah, sewaktu pengkaji menjalankan penyelidikan, mereka sering menghidangkan kuih-kuih daripada ubi kayu. Sesetengah golongan tua yang ditemui oleh pengkaji masih begitu utuh keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap 'semangat ubi kayu'.²

Sebelum zaman kemerdekaan, tidak ramai yang mengetahui kewujudan kampung ini kerana lokasinya yang terpencil dan jauh dari pusat bandar. Malah ketika itu, belum ada sebarang kemudahan pengangkutan awam hatta jalan raya sekalipun. Namun, situasi ini mula berubah selepas tahun 60-an apabila penghijrahan masyarakat Jawa dari kampung-kampung lain mula berlaku. Penghijrahan ini berlaku kerana kampung-kampung Jawa yang lain sudah tidak begitu selamat untuk didiami akibat ancaman penganas komunis yang diketuai oleh Bong Kee Chok. Ancaman penganas komunis ini berakhir pada tahun 1973 apabila Bong Kee Chok dan gerombolannya menyerah diri secara besar-besaran di Daerah Sri Aman, Bahagian Kedua, Sarawak.³

2.1 LOKASI TEMPAT KAJIAN, PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

Mulai tahun 1985, kampung ini dibahagi kepada lorong-lorong kecil dan kini jumlahnya adalah 7 lorong (sila lihat lampiran).

Sebelum ini, lorong-lorong ini hanyalah lorong-lorong kecil yang hanya boleh dilalui oleh pejalan kaki, basikal dan motorsikal sahaja. Walau bagaimanapun, penduduk-penduduk Jawa di sini akhirnya bergotong-royong membesarkan lorong-lorong kecil ini dan ditabur dengan batu-batu kerikil sehingga boleh dilalui oleh kenderaan beroda empat. Pada mulanya, kerja-kerja membesarkan lorong-lorong ini hanya menggunakan cangkul sahaja. Terdapat juga penduduk yang mengupah syarikat-syarikat Cina yang memiliki jentolak untuk melebarkan lorong-lorong atau jalan-jalan tersebut.

Pada tahun 1992, lorong-lorong ini telah diperbaiki sekali lagi. Ini berikutan peruntukan khas yang diberikan oleh Kerajaan Negari Sarawak sebagai salah satu sumbangan sempena perayaan 30 tahun Sarawak merdeka melalui Malaysia. Peruntukan tersebut adalah hasil daya usaha wakil Parlimen di kawasan tersebut iaitu Datuk Adenan Satem yang juga Menteri Pembangunan Tanah Sarawak. Bermula pada bulan Mac, 1992, lorong-lorong ini telah diturap dengan tar. Situasi ini tentunya telah menambahkan lagi keselesaan penduduk-penduduk Jawa di kampung terutama mereka yang memiliki kereta.

Pekan Batu 10 atau Pasar Batu 10 merupakan pekan yang terdekat dengan Kampung Sri Arjuna. Jaraknya adalah lebih kurang 1 batu dari tempat kajian. Kampung Sri Arjuna terletak kira-kira 11 batu daripada Bandar Kuching. Di bandar inilah tertumpunya pusat pentadbiran, kewangan, pendidikan tinggi, kebudayaan, hiburan dan sebagainya.

Buat masa ini, hanya terdapat 1 batang jalan raya tar yang kecil menghubungkan satu kampung dengan kampung yang lain. Jalan

tersebut ialah Jalan Penrissen yang menghubungkan Kampung Sri Arjuna dengan Kampung Jawa Semenggok, Kampung Silenking dan Kampung Bunuk. Yang lainnya adalah jalan berbatu-batan dan jalan tanah merah. Walaupun ia jalan berbatu-batan tetapi kenderaan seperti kereta, motorsikal dan lain-lain boleh melaluinya.

Kenderaan atau pengangkutan awam utama yang menghubungkan Kampung Sri Arjuna dengan kampung-kampung lain dan Bandar Kuching ialah bas yang datang sejam sekali tetapi tidak begitu popular digunakan memandangkan masanya tidak tentu dan sering rosak di tengah-tengah jalan. Teksi sapu (tanpa lesen) merupakan pengangkutan alternatif dan ia merupakan kenderaan yang lebih digemari oleh penduduk di kawasan ini kerana tambangnya tidak begitu mahal jika dibandingkan dengan tambang bas dan juga lebih cepat. Tambang bas dari Kampung Sri Arjuna ke Bandar Kuching ialah RM1.20 dan tambang teksi sapu ialah RM1.00. Masa perjalanan ke Bandar Kuching dengan teksi ialah lebih kurang setengah jam.

Penduduk-penduduk di Kampung Sri Arjuna sering pergi ke Bandar Kuching untuk membeli-belah atau urusan-urusan lain. Bagi golongan anak-anak muda pula, bandar ini menjadi pusat dan tumpuan mereka mencari hiburan di hujung minggu. Namun, mereka yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah, hanya Paser Batu 10-lah tempat mereka untuk membeli-belah atau apa-apa jua keperluan lain.

2.2 KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TEMPAT KAJIAN

Di Batu 13 iaitu 2 batu dari kampung ini terdapat sebuah

pusat kesihatan yang mempunyai unit-unit seperti klinik pesakit luar, klinik kanak-kanak dan ibu hamil. Klinik ini yang dinamakan sebagai Rajah Charles Brooke Memorial Hospital dibina pada tahun 1884 sempena perlantikannya sebagai pemerintah Sarawak pada tahun 1870 menggantikan James Brooke. Selain berfungsi sebagai klinik pesakit luar, Rajah Charles Brooke Memorial Hospital ini juga merupakan satu-satunya pusat rawatan dan pemulihan pesakit kusta di Sarawak yang ditadbirkan sepenuhnya di bawah Jabatan Kesihatan Sarawak.

Dari segi kemudahan pendidikan, terdapat 2 buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah berdekatan dengan kampung ini. Walau bagaimanapun, sekolah menengah berkenaan hanya menyediakan pendidikan hingga tingkatan 5 sahaja. Untuk ke tingkatan 6, pelajar-pelajar di sini terpaksa berpindah ke sekolah-sekolah lain di luar daerah Penrissen.

Terdapat juga sebuah masjid di kampung ini untuk kemudahan beribadat. Masjid berkenaan iaitu Masjid Darul Iman didirikan di atas sebuah tanah wakaf yang diwakafkan oleh Allahyarham Wak Selamat. Selain berfungsi sebagai tempat beribadat, masjid ini jugalah sebagai tempat penduduk-penduduk Jawa kampung ini mengadakan mesyuarat mengenai hal-hwal kampung.

Bermula dari tahun 1980 sehinggalah tahun 1990, terdapat ura-ura untuk mendirikan sebuah balai raya di kampung ini dan cadangan ini dipersetujui sendiri oleh wakil rakyat Daerah Penrissen

ini iaitu Datuk Chong Kiun Kong. Malangnya, sehingga kajian ini dibuat, belum ada lagi tanda-tanda atau sebarang peruntukan yang diberi oleh pihak kerajaan untuk pembinaan balai raya tersebut. Daripada pemerhatian pengkaji, situasi ini sebenarnya hanyalah sebahagian daripada janji-janji kosong wakil rakyat berkenaan yang sekadar ingin memancing undi pada setiap kali pilihanraya diadakan.

2.3 KEMUDAHAN AWAM

Apa yang agak menyedihkan bagi kampung ini ialah masih belum terdapat bekalan air paip walaupun telah beberapa kali dijenjiken kemudahan sedemikian. Daripada pertemuan pengkaji dengan ketua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, pihak kerajaan berjanji untuk menyediakan kemudahan air paip ini menjelang Jun 1995.

Oleh kerana tiadanya bekalan air paip ini, maka telagalah yang menjadi sumber utama bekalan air untuk kegunaan harian. Ini termasuklah untuk tujuan makan-minum, mandi dan mencuci pakaian. Walau bagaimanapun, telaga ini tidak selalu penuh. Kampung ini pernah beberapa kali mengalami kekurangan air akibat musin kemarau. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan terutama Jabatan Pembekalan Air Sarawak (Sarawak Water Board) telah memperuntukkan tangki-tangki air untuk memudahkan mereka menadah air pada waktu hujan. Daripada pemerhatian pengkaji, sumber-sumber air dari telaga dan tangki-tangki air ini boleh

diragui kebersihannya.

Bekalan elektrik pula telah agak lama diperolehi. Kampung ini mula mendapat bekalan elektrik pada bulan Mac, 1982. Hampir 99 peratus daripada jumlah rumah di kampung ini menggunakan bekalan elektrik kecuali 3 buah rumah sahaja yang masih belum menggunakan bekalan elektrik.

Terdapat juga sebuah pondok telefon awam. Malangnya, kemudahan ini tidak lagi dapat digunakan kerana sudah rosak. Keadaan ini sebenarnya amat menyulitkan penduduk kampung yang ingin menggunakan kemudahan ini pada waktu-waktu kecemasan.

2.4 LATARBELAKANG MASYARAKAT JAWA KAMPUNG SRI ARJUNA

Latarbelakang kedatangan orang-orang Jawa ke kampung ini sebenarnya agak sukar juga bagi pengkaji menentukan tarikhnya yang tepat. Ini berdasarkan tiadanya bukti dokumentasi atau bukti-bukti sejarah yang bertulis mengenai kedatangan mereka ke kampung ini.

Walaupun demikian, terdapat banyak dokumen dan artikel mengenai kedatangan orang-orang Jawa ke Tanah Melayu (Semenanjung) yang boleh dijadikan asas kepada kedatangan orang-orang Jawa ke kampung ini. Salah satu artikel tersebut ialah artikel 'Indonesian Labour in Malaya'.⁴ Berdasarkan artikel ini, ada diperjelaskan tentang sejarah kedatangan, faktor-faktor dan bagaimana mereka datang ke sini.

Artikel ini menyatakan bahawa orang-orang Jawa telah datang ke Tanah Melayu sejak awal abad ke-20. Faktor-faktor kedatangan mereka dapat diterangkan seperti berikut:-

- (a) Terdapat keadaan ekonomi yang buruk akibat daripada tekanan pasaran dunia. Di Indonesia, terdapat tekanan ekonomi daripada penjajah Belanda. Walaupun Belanda bertujuan untuk meninggikan pendapatan dan taraf hidup rakyat pribumi dengan memperkenalkan pelbagai rancangan dan dasar, tetapi keadaan mereka tidak berubah kerana sebenarnya hasil-hasil yang dikeluarkan oleh penduduk-penduduk tempatan telah **dimonopoli** oleh mereka.
- (b) Selepas Perang Dunia Kedua, penjajah di Malaya telah mengarahkan buruh-buruh keturunan India dan Cina berpindah ke Thailand dan kawasan-kawasan lain. Justeru itu, terdapat kekurangan buruh dan bagi mengatasi masalah ini, pihak Jepun telah mengambil masuk orang-orang Jawa ke Malaya untuk dijadikan sebagai buruh terutama untuk membina jalan dan jambatan.

Cara-cara buruh-buruh Jawa datang ke Malaya boleh dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu buruh kontrak, buruh sukarela dan buruh paksa. **Tunku Shamsul Bahrin** menerangkan buruh kontrak sebagai,

'The contract labourers were employed after signing a contract of service to a definite length of time and who without consent from the employer or superintendent of labour, could not leave their jobs even after giving sufficient notice.' **5**

Buruh yang datang secara sukarela pula menurut beliau ialah,

'The free labourers on the other hand, did not have to sign any legal contract of employment and were free, within notice, to leave the service of their employers. In short, the free labourers were not bound to serve any employer whom they did not like.'⁶

Buruh-buruh yang datang semasa penjajahan Jepun dikenali sebagai buruh paksa. Orang-orang Jawa ini dipaksa berhijrah ke Tanah Melayu untuk mengerjakan jalan dan memperbaiki jambatan, jalan raya dan jalan keretapi. Dengan adanya pembinaan-pembinaan ini, pihak Jepun senang untuk meluaskan jajahannya. Kesan daripada faktor-faktor inilah, ramai orang Jawa berhijrah ke Tanah Melayu untuk bekerja di ladang-ladang getah sebagai buruh kontrak dan buruh sukarela.

Berdasarkan kenyataan inilah pengkaji yakin bahawa fakta-fakta dalam artikel 'Indonesian Labour in Malaya' boleh diaplikasikan terhadap sejarah kedatangan orang-orang Jawa ke Sarawak. Namun demikian, kedatangan orang-orang Jawa ke sini lebih tertumpu kepada pekerjaan di ladang-ladang getah selain daripada membina jalan raya dan lapangan terbang.

Pada masa penjajahan Jepun, bilangan buruh-buruh Jawa semakin bertambah. Orang-orang Jawa ini menetap di Sarawak sehinggalah ke hari ini. Selepas mereka bebas dari belunggu penjajahan, masing-masing mencari tempat perlindungan di merata tempat. Justeru itu, memang agak tepat kalau hendak dikatakan bahawa orang-orang Jawa datang ke Sarawak pada tahun 1940-an.

Berdasarkan kajian dan penyelidikan yang dibuat oleh pengkaji mendapati bahawa sebahagian besar ahli-ahli masyarakat kampung ini berasal dari Pulau Jawa. Ini dapat dijelaskan melalui jadual berikut:-

Asal Penduduk Kampung Sri Arjuna

Tempat asal	Bilangan	Peratus
Datang asal dari Pulau Jawa	9	15
Menetap di tempat lain dahulu	37	78
Penduduk tempatan	4	7
Jumlah	50	100

Jadual di atas menunjukkan dengan jelas kebanyakan penduduk yang dikaji berasal dari tempat-tempat lain di Sarawak. Setelah adanya pembukaan tanah di kampung ini, mereka berhijrah ke sini dan sekarang jumlahnya ialah 78 peratus daripada jumlah keseluruhan responden. Walaupun mereka menetap di tempat lain dahulu, ibu bapa mereka juga berasal dari Pulau Jawa.

Bilangan yang kedua banyaknya ialah penduduk yang datang terus dari Pulau Jawa. Golongan ini berjumlah kira-kira 15 peratus. Penduduk tempatan pula merupakan ahli-ahli masyarakat yang dilahirkan di kampung ini. Namun demikian, ibu bapa mereka juga berasal dari Pulau Jawa juga. Ada juga ibu bapa mereka yang masih menetap di sini sekarang.

2.5 BAHASA MASYARAKAT JAWA DI KAMPUNG SRI ARJUNA

Bahasa Jawa masih tetap digunakan oleh masyarakat kampung ini walaupun hampir setengah abad mereka meninggalkan tanah airnya. Ia digunakan dalam perhubungan sehari-hari terutama di kalangan golongan tua dan muda serta kenek-kanak. Namun demikian, sudah terdapat percampuran bahasa dalam masyarakat Jawa kampung ini. Ini disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran sosial dan pergaulan mereka dengan masyarakat-masyarakat di luar komuniti Jawa.

Bahasa Jawa terbahagi kepada dua jenis iaitu Bahasa Jawa Halus dan Bahasa Jawa Kasar. Bahasa Kasar ialah bahasa pertuturan sehari-hari yang digunakan oleh orang-orang yang sebaya umurnya terutama di kalangan generasi muda. Orang-orang tua juga menggunakan bahasa kasar apabila berinteraksi dengan orang-orang muda.

Kebiasaannya, bahasa halus digunakan oleh golongan tua sahaja. Orang-orang muda ramai yang tidak mengetahuinya. Mereka bertutur bahasa ini ketika meminta maaf dengan orang-orang yang lebih tua terutama semasa Hari Raya Pusa. Dalam bahasa halus ini, tidak ada unsur percampuran dengan bahasa Melayu, tetapi di dalam bahasa kasar banyak terdapat percampuran dengan bahasa Melayu. Ini dapat dilihat dalam contoh yang berikut:-

Perbezaan antara bahasa Jawa halus dan bahasa Jawa kasar

Bahasa Halus	Bahasa Kasar	Bahasa Melayu
mbak ayu	yayuk	Kekak
mpun	wes	sudah
kepripon	kepiye	bagaimana
lujeng	waras	baik
pundhi	nengdhi	ke mana

2.6 AGAMA DAN KEPERCAYAAN

Semua orang Jawa di kampung ini adalah beragama Islam. Agama di sini bukanlah satu sistem kepercayaan tetapi sebagai satu 'ad-din' atau 'way of life'. Namun demikian, cara hidup Islam yang ideal tidak dipraktikkan sepenuhnya oleh masyarakat Jawa kampung ini. Keadaan ini disebabkan terdapat lagi pengamalan unsur-unsur yang bersalahan dengan ajaran Islam seperti kepercayaan keramat, pentang-lerang dan sebagainya. Sebenarnya, agak sukar bagi mereka terutama golongan tua untuk mengikis kepercayaan-kepercayaan tradisi ini memandangkan warisan unsur-unsur Hinduisme dan Budha begitu sehati dalam kehidupan mereka sejak dari zaman nenak-moyang mereka dahulu. Meskipun, begitu, kepercayaan-kepercayaan sebegini rupa semakin berkurangan di kalangan masyarakat Kawa kampung ini. Kemunculan generasi muda yang lebih berpendidikan dan berfikiran terbuka sedikit demi sedikit memalapkan kepercayaan-kepercayaan lama ini.

Daripada pemerhatian pengkaji, setiap adat istiadat yang dijalankan oleh mereka akan dibuat bersesuaian dengan lunas-lunas agama Islam seperti dalam adat perkahwinan, bercukur rambut bayi dan berkhatan. Semasa 12 Rabiul Awal pada tiap-tiap tahun, diadakan upacara menyambut Maulud Nabi S.A.W. di masjid. Semua penduduk kampung ini terlibat dan apa juga jemputan daripada penduduk yang menetap di kampung lain. Walaupun adanya percampuran antara kepercayaan animisme dan Islam, namun pegangan terhadap agama Islam ternyata lebih kuat jika dibandingkan dengan kepercayaan terhadap animisme.

NOTA HUJUNG

1. Haji Dollah Wongso dilantik menjadi Ketua Kampung pada tahun 1965 setelah Ketua Kampung yang pertama iaitu Wak Hassan meninggal dunia.
2. Golongan tua kampung ini sangat mempercayai bahawa ubi kayu atau 'singkong' merupakan makanan yang perlu dihormati. Ini berdasarkan pengalaman pahit mereka sewaktu perang Dunia Kedua dulu iaitu ubi kayulah yang menjadi makanan utama.
3. Daerah Sri Aman asalnya disebut sebagai Simanggang sebelum 1973. Ini berikutan penyerahan diri ketua Komunis Sarawak, Bong Kee Chok di daerah tersebut. Tun Rahman Yaakub yang menjadi Ketua Menteri ketika itu telah mengisytiharkan pertukaran nama tersebut.
4. Shamsul Behrin, Tunku, Indonesian Labour in Malaya, dalam kajian ekonomi Malaysia, Jilid 2, No.1, 1965, m.s. 63-64
5. Ibid, m.s. 61
6. Ibid, m.s. 62

BAB 3 LATARBELAKANG RESPONDEN

3.0 PENGENALAN

Tujuan bab ini ialah untuk melihat latarbelakang responden yang merupakan ketua keluarga bagi sesebuah rumah atau keluarga. Latarbelakang responden ini adalah berdasarkan analisis data kajian 50 responden dan ia merangkumi aspek-aspek seperti jantina responden, umur, ketua rumah dan isteri, bentuk keluarga, bilangan anak responden, saiz keluarga dan pendidikan ketua rumah serta isteri.

Sebelum melanjutkan lagi analisis dalam kajian ini, pengkaji akan menerangkan terlebih dahulu pengertian atau konsep ketua rumah yang disebut dalam kajian ini. Pada pandangan pengkaji, ketua rumah merupakan mereka yang menjadi ketua dalam sesebuah rumah dan dia mestilah merupakan orang yang bekerja. Mereka yang menjadi ketua rumah tetapi tidak bekerja untuk menyara hidup seisi keluarga tidak boleh dianggap sebagai ketua rumah.

Mula-mula diberi jumlah rumah-rumah yang telah ditemuduga mengikut lorong-lorong di Kampung Sri Arjuna.

Jadual 1 ; Bilangan rumah sesebuah lorong

LORONG	BIL.	PERATUS
1. Lorong 1	15	30
2. Lorong 2	10	20
3. Lorong 3	8	16
4. Lorong 4	4	8
5. Lorong 5	6	12
6. Lorong 6	3	6
7. Lorong 7	4	8
JUMLAH	50	100


Sumber: Soal solidik

Kebanyakan rumah yang telah ditemuduga adalah dari Lorong 1 yang merupakan 30% daripada jumlah rumah yang ditemuduga. Ini berdasarkan Lorong 1 adalah satu lokasi yang terdapat banyak sekali rumah iaitu lebih kurang 15 buah daripada lorong-lorong lain. Di Lorong 6, hanya terdapat 3 orang ketua rumah sahaja yang dapat ditemuduga kerana bilangan rumah di lorong ini adalah kecil.

Pengkaji tidak begitu mendesak sekiranya responden menunjukkan tanda-tanda enggan atau kurang bekerjasama sewaktu soal-selidik dijalankan. Memandangkan pengkaji hanya menemuduga 50 orang responden sahaja, maka peratusan bilangan rumah-rumah ini adalah kecil. Jika bilangan sampel yang lebih besar diambil, pengkaji pasti peratusannya akan jauh lebih ketara lagi.

3.1 PEMBAHAGIAN KETUA RUMAH MENGIKUT JANTINA

Rajah 1 : Pembahagian ketua rumah mengikut jantina.



Sumber : Soal-selidik

Daripada rajah 1, kita mendapati bahawa hampir semua ketua rumah adalah lelaki. 92% daripadanya adalah lelaki sementara yang lain adalah perempuan. 8% ketua rumah ini adalah mereka yang terdiri daripada balu dan mereka yang telah bercerai dengan suami mereka dan mereka bekerja untuk menyara anak-anak mereka.

Sebenarnya, terdapat sebuah keluarga Cina di lorong 4. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menjadikan keluarga tersebut sebagai salah satu responden memandangkan tumpuan pengkaji hanyalah kepada penduduk Jawa di kampung ini. Namun demikian, daripada tembual pengkaji dengan keluarga tersebut, nenek-moyang mereka telah lama datang ke Sarawak iaitu semasa penjajahan Jepun dulu dan ketua rumah adalah warganegara Malaysia.

3.2 PERINGKAT UMUR KETUA RUMAH DAN ISTERI


Peringkat umur memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia untuk memastikan kematangan dan kecergasan manusia dalam menerima sesuatu yang baru dan keupayaan seseorang dalam melakukan sesuatu kerja dengan lebih gigih lagi. Secara idealnya, faktor umur ini bukanlah salah satu faktor penentu yang mutlak kepada tingkat keupayaan untuk melakukan sesuatu. Umur adalah merupakan salah satu kriteria yang dirasakan penting dalam mengkaji sosio-ekonomi sesuatu tempat.

Dalam bahagian 3.1 telah dinyatakan bahawa 4 daripada ketua rumah adalah wanita. Ketua rumah kaum wanita ini juga merupakan golongan isteri. Lantaran itu, taburan umur bagi para isteri

di graf dalam rajah 2 juga termasuk 4 ketua rumah wanita tersebut. Terdapat seorang ketua rumah lelaki yang tidak mempunyai isteri kerana isterinya telah meninggal dunia. Justeru itu, jumlah golongan isteri adalah 49 orang.

Daripada rajah 2, boleh dikatakan bahawa ramai ketua rumah di kawasan kajian adalah pada tahap umur 31-40 tahun dan 41-50 tahun yang masing-masing terdiri daripada 38% daripada jumlah ketua rumah di kawasan kajian. Manakala kaum isteri ketua rumah pula kebanyakannya adalah di peringkat umur 31-50 tahun dengan 74%. Tidak terdapat kaum isteri yang lebih daripada 60 tahun. Purata umur ketua rumah dan isteri ialah 44 tahun dan 39 tahun. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua golongan ini merupakan orang-orang dewasa. Menurut Manjit S. Sidhu,¹ semua yang tergolong dalam lingkungan umur 20-54 atau 20-59 tahun adalah terkumpul di dalam kategori orang-orang dewasa manakala mereka yang berada di dalam kumpulan umur 0-14 atau 0-19 tahun adalah dianggap sebagai penduduk muda dan orang-orang tua adalah dari umur 55 tahun ke atas. Menurut beliau lagi, kumpulan dewasa ini biasanya dibahagikan kepada dua iaitu orang-orang dewasa yang lebih muda (20-39 tahun) dan orang-orang dewasa yang lebih tua (40-54 atau 40-59 tahun). Daripada graf dalam rajah 2 juga didapati bahawa semua ketua rumah serta isteri mereka adalah lebih daripada 20 tahun. Hanya terdapat 6% daripada ketua rumah yang tergolong dalam lingkungan umur 61-70 tahun. Walaupun ketua-ketua rumah ini tergolong dalam kategori orang-orang tua tetapi mereka

Rajah 2 ; TINGKAT UMUR KETUA RUMAH DAN ISTERI



masih kuat dan boleh bekerja mencari nafkah untuk menampung ahli-ahli dalam keluarga mereka.

Dalam rajah 2 didapati bahawa 43% isteri ketua rumah adalah pada tahap umur 31-40 tahun. Umur isteri ketua keluarga pada tahap ini adalah masih muda dan mereka sudah mempunyai beberapa orang anak yang sama ada sudah bersekolah ataupun belum bersekolah. Isteri mereka yang muda ini dapat menolong dalam menguruskan hal rumahtangga serta berkemampuan menolong menambahkan pendapatan seisi keluarga.

Isteri yang berada pada tahap umur 21-30 tahun adalah mereka yang baru berumahtangga dan mempunyai seorang atau dua orang anak. Isteri-isteri ini adalah dianggap masih muda dan berkeupayaan mempunyai lebih ramai anak lagi.

3.3 BENTUK KELUARGA ATAU FAMILI

Mengikut Dictionary of Anthropology, keluarga atau famili adalah:-

'The key institution in society, consisting of one or more women living with one or more men and their children. A socially approved sex relationship and various rights and obligations, characterize the family. In the order of their comparative incidence, the major kinds of marriage-family relationship are monogamy, polygamy, polyandry and group marriage. Common residence and economic co-operation are usually associated with the family. Death or marriage of children may radically change the family. The family is the first institution into which the individual is born.'²

Justeru itu, boleh disimpulkan bahawa keluarga atau famili adalah satu bentuk institusi yang mengandungi ahli-ahli yang hidup bersama.

Terdepat beberapa bentuk keluarga yang berlainan. Menurut Judith Djamour dalam bukunya 'Kekeluargaan Dan Perkahwinan Orang Melayu Singapura',³ beliau telah mengatakan bahawa keluarga asas adalah biasanya terdiri daripada pasangan suami-isteri yang duduk bersama dengan anak-anak mereka yang masih belum berkahwin. Selagi ibu bapa tinggal bersama dan sekurang-kurangnya mempunyai seorang anak yang belum berkahwin, maka keluarga isirumah tersebut tetap dianggap sebagai famili asas. Keturunan sangat diperlukan dalam satu-satu keluarga. Pasangan yang berkahwin tetapi tidak mempunyai anak tidak merupakan satu famili.

Satu lagi bentuk keluarga ialah 'extended family' yang mengandungi sepasang suami-isteri, anak-anak mereka serta isteri anak mereka dan cucu-cucu yang tinggal di dalam satu rumah.

Selain itu, terdapat juga famili asas tandus yang terdiri daripada famili asas yang salah seorang atau kedua-dua ibu bapa telah tiada lagi isitu isirumah yang diketuai oleh seorang balu atau janda yang tinggal bersama dengan anak-anak yang terpaksa disarannya. Walau bagaimanapun, menurut Judith Djamour, istilah ini tidak digunakan kepada isirumah famili asas yang seorang atau lebih anak-anaknya tidak ada kerana berhijrah, berkahwin, mati atau dipelihara oleh orang lain.

Kategori-kategori bentuk keluarga yang disebutkan tadi adalah digunakan oleh pengkaji untuk melihat bentuk keluarga yang terdapat di tempat kajian.

Jadual 2 : Bentuk keluarga bagi 50 rumahtangga

BENTUK KELUARGA	BILANGAN	PERATUS
1. Keluarga asas	38	76
2. 'Extended family'	8	16
3. Keluarga asas tandus	3	6
4. Tiada	1	2
JUMLAH	50	100

SUMBER ; Soalselidik

Daripada jadual 2 boleh didapati bahawa bentuk keluarga yang utama di kalangan responden di tempat kajian ialah keluarga asas dengan 76% daripada respondennya mengamalkan bentuk keluarga tersebut.

Di samping itu, terdapat 16% yang mengamalkan bentuk keluarga 'extended family' dan 6% yang mempunyai keluarga asas tandus. Kategori keluarga asas tandus ini terdiri daripada balu dengan anak-anaknya. Hanya terdapat seorang responden sahaja yang tidak mempunyai bentuk keluarga kerana tidak mempunyai anak dan isteri. Isteri responden ini telah meninggal dunia sebelum sempat melahirkan anak.

3.4 BILANGAN ANAK RESPONDEN

Masyarakat di Asia Tenggara mempunyai pendapat bahawa jumlah anak yang ramai di dalam sesebuah rumah memainkan peranan yang penting kerana sumbangan tenaga mereka dapat menambahkan pendapatan seisi keluarga terutamanya dalam bidang pertanian. Selain itu, terdapat juga pendapat bahawa jika sepasang suami-isteri mempunyai ramai anak, maka apabila suami-isteri itu sudah tua, akan terdapat salah seorang daripada anak mereka yang akan menjaga mereka. Salah satu faktor lain yang menyebabkan satu-satu keluarga itu mempunyai anak yang ramai ialah para isteri jarang mengamalkan skim perancang keluarga kerana menurut mereka, perkara ini adalah bertentangan dengan nilai dan norma hidup masyarakat serta agama.

Namun demikian, tidak semua orang mempunyai pendapat tersebut. Ada di antara mereka yang menghadapi masalah kewangan dan bagi mengurangkan tanggungan, mereka berpendapat adalah lebih baik jika tidak mempunyai anak yang ramai. Tanpa anak yang ramai, keperluan asas dan keperluan anak yang lain seperti pendidikan dan kemewahan-kemewahan lain dapat ditumpukan kepada anak-anak tersebut. Ramai anak tetapi tidak dapat membekalkan keperluan yang cukup kepada anak tersebut merupakan satu perkara yang buruk dan juga satu seksaan kepada anak. Melalui program-program yang telah disediakan oleh Lembaga Perancang Keluarga dan sebarannya yang lebih luas, lebih ramai yang mengetahui akan kebaikan skim tersebut. Menurut Dr. Shamsudin, skim perancang keluarga ini telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1972 tetapi

penerimaan skim ini hanya tercapai pada tahun 1975.⁴

Bagi mengetahui sama ada penduduk di kawasan kajian mempunyai anak yang ramai atau sedikit, dapat diperjelaskan berdasarkan jadual berikut:-

Jadual 3 : Bilangan anak yang dipunyai oleh 50 orang responden

BILANGAN ANAK	BILANGAN KELUARGA	PERATUS
0	1	2
1	2	4
2	3	6
3	7	14
4	11	22
5	9	18
6	7	14
7	5	10
8	3	6
9	2	4
JUMLAH	50	100

Sumber : Soalselidik

Daripada jadual, 22% daripada responden mempunyai 4 orang anak. Peratusan responden yang mempunyai bilangan anak yang sederhana iaitu dari 3 orang anak hingga 7 orang anak adalah 78%. Terdapat seorang responden yang tidak mempunyai anak. Tidak terdapat seorang responden pun yang mempunyai 10 orang anak atau lebih. Mereka yang mempunyai 8 dan 9 orang anak adalah 10% sahaja. Selain itu, seramai 10% daripada mereka mempunyai 1 dan 2 orang anak.

Daripada jadual ini menunjukkan bahawa penduduk di kampung Sri Arjuna ini tidak mempunyai bilangan anak yang ramai. Situasi ini mungkin disebabkan oleh adanya kesedaran serta pendedahan tentang program perancang keluarga melalui penyebaran media massa seperti radio dan televisyen serta penerangan-penerangan oleh kakitangan di pusat-pusat kesihatan yang berdekatan dengan Bandar Kuching.

3.5 SAIZ KELUARGA

Mengikut pengkaji, saiz keluarga adalah merujuk kepada sama ada keluarga tersebut adalah besar atau kecil. Jumlah orang atau ahli yang tinggal di dalam sesebuah rumah ialah yang akan menunjukkan saiz keluarga. Ahli-ahli ini termasuklah datuk, nenek, cucu-cucu, menantu dan saudara-mara yang lain.

Jadual 4 : Bilangan ahli dalam rumah

BILANGAN AHLI DALAM RUMAH	BILANGAN	PERATUS
3 dan ke bawah	3	6
4 - 6 orang	19	38
7 - 9 orang	19	38
10 dan ke atas	9	18
JUMLAH	50	100

Sumber : Soalselidik

Daripada jadual 4, didapati bahawa rumah-rumah yang mempunyai 4-9 orang ahli adalah 76%. Bilangan ini adalah tidak ramai. Dengan

itu, tidak berlaku kesesakan dalam ruang rumah. 6% daripada rumah-rumah yang ditemuduga mempunyai ahli seramai 3 orang dan ke bawah. Rumah-rumah ini mempunyai bilangan ahli yang sedikit kerana rumah-rumah ini hanya mempunyai seorang ibu atau bapa dengan satu atau dua atau tiada anak. Bilangan ahli yang sedikit inilah menjadikan rumah-rumah yang mereka diami dalam keadaan sederhana kecil sahaja. Rumah-rumah mereka cukup untuk diduduki bagi bilangan ahli tersebut.

Rumah-rumah yang mempunyai 10 orang penghuni atau lebih adalah 18%. Rumah-rumah ini diduduki oleh bentuk keluarga 'extended family' yang mempunyai ahli-ahli lain selain daripada sepasang suami-isteri dan anak. Ahli-ahli tambahan ini mungkin adalah datuk, nenek, menantu, cucu dan orang-orang lain yang mempunyai hubungan darah dengan ketua rumah atau isterinya. Pengkaji boleh membuat kesimpulan ini kerana daripada bahagian 3.4 (Bilangan anak responden) yang telah dibincangkan terdahulu, kita dapati responden yang memiliki bilangan anak yang teramai di Kampung Sri Arjuna ini ialah 9 orang. Bilangan rumah yang mempunyai jumlah anak tersebut hanyalah 2 buah sahaja.

NOTA HUJUNG

1. Manjit S. Sidhu dan Asmah Ahmad, Sifat Geografi Penduduk, terbitan Universiti Melayu, K.L., 1977, m.s. 48
2. Charles Winick, Dictionary of Anthropology, Little Field, Adams and co., Totowa, New Jersey, 1977, m.s. 202
3. Judith Djamour, Kekeluargaan dan Perkahwinan Orang Melayu Singapura, DBP, Kementerian Pelajaran Malaysia, K.L., 1979, m.s. 69
4. Dr. Shamsudin bin Abdul Rahman, artikel di dalam buku 'Family Planning in the Developing World (A Review of Programmes), Editor Walter B. Watson, The Population Council Inc., 1977, m.s. 17

BAB 4 EKONOMI

Setelah mengetahui mengenai latarbelakang responden yang dikaji, bab ini akan menerangkan aspek ekonomi penduduk di sini yang meliputi jenis aktiviti ekonomi yang dilakukan, tempat responden bekerja, aspek tanah, jenis tanah, cara pemilikan tanah, pendapatan, stratifikasi sosial, simpanan dan pola penggunaan responden.

4.1 AKTIVITI EKONOMI

Pekerjaan utama bagi kebanyakan penduduk kampung Sri Arjuna ini ialah yang melibatkan bidang pertanian terutamanya yang bergantung kepada sumber-sumber dan hasil pengeluaran tanah. Akan tetapi, terdapat juga pekerjaan lain yang dilakukan oleh penduduk kampung ini. Kini, anak-anak muda kampung ini semakin meninggalkan lapangan pertanian dan memasuki lapangan lain yang bukan pertanian sama ada di dalam sektor kerajaan atau swasta untuk mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi. Ini adalah kerana mereka berpendapat bahawa pendapatan dari pekerjaan yang melibatkan pertanian adalah rendah. Oleh kerana kampung Sri Arjuna ini terletak tidak jauh dari Bandar Kuching iaitu kira-kira 11 batu atau 18 kilometer, maka sedikit-sebanyak penduduk-penduduk kampung ini telah menerima pengaruh yang kuat dari bandar. Ada di antara mereka yang telah menjelankan usaha perniagaan secara kecil-kecilan dan ada yang telah menjadi pemandu-pemandu bas.

Pekerjaan yang berlainan akan mendatangkan jumlah pendapatan yang berbeza bagi sesebuah keluarga. Oleh kerana itu, pekerjaan memainkan peranan yang penting dalam menentukan taraf kehidupan keluarga.

Daripada kajian dan pemerhatian pengkaji, pengkaji mendapati bahawa pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk-penduduk di Kampung Sri Arjuna adalah meliputi dua bidang yang besar iaitu bidang pertanian dan bidang luar pertanian.

Jadual 5 : Bidang pekerjaan dan bilangan orang

BIDANG	BILANGAN	PERATUS
a) Pertanian	28	56
b) Bukan pertanian	22	44
JUMLAH	50	100

Daripada jadual 5, didapati bahawa 56% responden menganggap bidang pertanian sebagai pekerjaan utama mereka manakala 44% lagi menganggap pekerjaan di luar bidang pertanian sebagai pekerjaan utama. Mereka yang menjalankan aktiviti ekonomi di luar bidang pertanian juga terlibat sedikit-sebanyak dengan pertanian kerana ada di antara mereka yang menjalankan kerja-kerja pertanian sebagai pekerjaan sampingan pada waktu-waktu mereka tidak bekerja. Mereka yang menjalankan aktiviti di luar bidang pertanian ini adalah mereka yang berkhidmat dengan kerajaan atau swasta atau menjalankan perniagaan sendiri sama ada secara besar-besaran atau kecil-kecilan. Dalam bidang pertanian pula, aktiviti ekonomi yang penting ialah menanam ubi kayu, sayur-sayuran, buah-buahan dan menoreh getah.

a) Aktiviti di bidang pertanian

Aspek pertanian ini dapat dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu:-

- i) penglibatan dalam pertanian secara langsung iaitu pertanian adalah sebagai pekerjaan tetap seperti berkebun getah atau menjadi buruh di ladang getah.
- ii) penglibatan dalam pertanian secara tidak langsung iaitu mereka yang menjalankan pertanian secara sampingan sahaja. Pertanian secara sampingan ini juga meliputi yang bercucuk tanam secara sampingan di belakang rumah atau di sekeliling rumah.

Jadual 6 : Jumlah penglibatan dalam pertanian

BIDANG	BAHAGIAN	BILANGAN	PERATUS
Pertanian	1. Orang yang terlibat dalam pertanian secara langsung	28	56
	2. Orang yang terlibat dalam pertanian secara tidak langsung	2	4
	3. Tidak terlibat dengan pertanian	20	40
	JUMLAH	50	100

Daripada jadual 6, didapati bahawa mereka yang terlibat dalam pertanian secara langsung adalah 56%. Seramai 28 orang daripada mereka yang terlibat secara langsung itu ; 23 orang bekerja sebagai penoreh getah iaitu sama ada sebagai pekebun kecil getah atau menjadi buruh di ladang getah, 3 orang adalah merupakan pekebun sayur dan 2 orang bekerja sebagai peladang yang bergaji. Mereka yang bekerja

sebagai penoreh getah di ladang getah ialah 16 orang dan mereka ini menerima gaji daripada majikan di ladang. 7 orang lagi merupakan penoreh getah yang bekerja di ladang-ladang getah mereka sendiri. Kegiatan menoreh getah ini adalah merupakan pekerjaan yang sudah lama wujud dan ia adalah merupakan pekerjaan turun-temurun bagi kebanyakan penduduk di sini. Akan tetapi, pekerjaan ini semakin lama semakin tidak diusahakan oleh generasi muda kerana mereka semakin beransur-ansur mengalih pandangan terhadap pekerjaan lain selain daripada menoreh getah. 2 orang yang terlibat dalam pertanian secara tidak langsung adalah mereka yang mempunyai pekerjaan tetap di luar bidang pertanian tetapi melakukan pertanian sebagai pekerjaan sampingan secara persendirian di kebun mereka. 40% daripada responden tidak terlibat langsung dalam pertanian. Mereka ini adalah orang-orang yang bekerja di bidang luar daripada pertanian.

b) Aktiviti di luar bidang pertanian

Dalam bidang bukan pertanian, boleh dibahagikan kepada 3 jenis pekerjaan utama iaitu pekerjaan makan gaji dengan kerajaan, pekerjaan sendiri dan pekerjaan makan gaji dengan swasta. Mereka dikatakan berada di luar pertanian kerana mereka menghabiskan masa dalam bidang yang tidak bersangkutan-paut dengan sektor pertanian. Pembahagian tersebut boleh dilihat di dalam jadual 7; (sila lihat sebelah).

Jadual 7 : Jumlah penglibatan di luar bidang pertanian

BIDANG	JENIS PEKERJAAN	BILANGAN	PERATUS
Luar pertanian	1. Pekerjaan makan gaji dengan kerajaan	6	27
	2. Pekerjaan sendiri	5	23
	3. Pekerjaan makan gaji dengan swasta	11	50
	JUMLAH	22	100

Bilangan yang bekerja di luar bidang pertanian ini berjumlah 22 orang. Deripada jumlah ini, 27% bekerja makan gaji dengan kerajaan dan mereka adalah terdiri daripada anggota-anggota tentera, posmen, buruh majlis perbandaran, tukang kebun sekolah dan mekanik di kem. Mereka ini mendapat didikan atau pelajaran dan juga latihan yang wajar untuk menjadi kakitangan kerajaan .

Hampir separuh daripada 22 orang itu yang bekerja makan gaji dengan sektor swasta. Mereka adalah terdiri daripada buruh kasar atau buruh pembinaan, pemandu traktor dan lori. Pendidikan yang dicapai oleh mereka adalah setakat sekolah rendah sahaja. Hanya terdapat seorang sahaja yang mempunyai pendidikan tingkatan 5 tetapi beliau lebih suka bekerja sebagai buruh pembinaan di Singapura kerana boleh mendapat pendapatan yang lebih lumayan iaitu melebihi RM500.00 sebulan.

Jika dibandingkan di antara pendapatan mereka yang bekerja dengan kerajaan dan yang bekerja dengan pihak swasta, mereka yang

bekerja dengan kerajaanlah yang mungkin berada di dalam keadaan yang lebih baik kerana pendapatan mereka adalah stabil dan mengikut sesuatu skel pendapatan berdasarkan kelayakan masing-masing. Manakala mereka yang bekerja dengan pihak swasta terpaksa bergantung kepada majikan mereka. Pekerjaan ini juga terpaksa bergantung kepada cuaca dan juga sama ada majikan mereka mempunyai kontrak terhadap sesuatu pekerjaan atau tidak.

Hanya terdapat 5 orang yang melakukan pekerjaan mereka sendiri mengikut kemahiran yang ada pada mereka serta inisiatif mereka sendiri. 2 orang bekerja sebagai pemandu bas, 2 orang berniaga secara kecil-kecilan dan seorang lagi bekerja sebagai tukang rumah.

4.2 TEMPAT RESPONDEN BEKERJA

Jadual 8 : Tempat responden bekerja

TEMPAT	BILANGAN	PERATUS
1. Di kampung	37	74
2. Di dalam daerah Kuching	5	10
3. Di luar daerah Kuching	2	4
4. Di luar negeri Sarawak	6	12
JUMLAH	50	100

Daripada jadual 8, didapati bahawa 74% daripada responden bekerja di sekitar Kampung Sri Arjuna. Mereka mengatakan bahawa mereka lebih suka bekerja berhampiran dengan keluarga mereka supaya di samping bekerja, dapat pula menjaga ahli-ahli keluarga. Di samping itu,

mereka dapat mengurangkan kos perbelanjaan dibandingkan jika mereka bekerja di luar kampung. Terdapat juga di antara mereka yang bekerja di luar kampung ini iaitu sama ada di luar daerah Kuching atau di luar Negeri Sarawak. Terdapat 6 orang yang bekerja di Singapura. Menurut pendapat mereka, mereka berhijrah ke Singapura untuk bekerja kerana di sana peluang-peluang pekerjaan adalah lebih banyak dan dapat pula memperolehi pendapatan yang lebih lumayan. 10% daripada responden bekerja di kampung yang terletak di kawasan lain tetapi masih di dalam daerah Kuching.

4.3 PEKERJAAN SAMPINGAN

Pekerjaan ini banyak dilakukan oleh mereka yang bekerja sebagai penoreh getah dan kerja-kerja lain sewaktu responden mempunyai masa lapang. Bagi penoreh getah ini, waktu petang atau pada hari-hari mereka tidak menoreh getah, mereka melakukan pekerjaan sampingan seperti menanam sayur-sayuran, ubi kayu atau melakukan kerja-kerja membersihkan kebun dan pekerjaan lain yang dapat menambahkan makanan harian serta pendapatan yang lebih bagi seisi keluarga.

Jadual 9 : Pekerjaan sampingan yang dilakukan oleh responden

PEKERJAAN	BILANGAN	PERATUS
1. Menanam ubi kayu	9	18
2. Menanam sayur-sayuran	2	4
3. Kerja kebun getah	1	2
4. Pembantu	3	6
5. Menanam dan memungut kacang	2	4
6. Menanam buah-buahan	1	2
7. Tiada	32	64
JUMLAH	50	100

Daripada jadual 9, 64% daripada responden tidak melakukan pekerjaan sampingan dan 36% lagi melakukan pekerjaan sampingan yang terdiri daripada menanam sayur-sayuran, buah-buahan, menanam ubi, pekerjaan di kebun getah mereka sendiri dan lain-lain lagi. 18% melakukan pekerjaan menanam ubi kayu. Pekerjaan ini memang sudah menjadi kebiasaan atau aktiviti sampingan orang-orang Jawa yang tinggal di kampung. Misalnya selain daripada untuk dimakan, yang berlebihan boleh dijual. Kira-kira 10% daripada mereka ini yang terlibat dalam pekerjaan berladang. Pekerjaan yang dilakukan oleh mereka ialah seperti menanam sayur-sayuran, mencabut ubi, menanam dan memungut kacang serta melakukan kerja-kerja di kebun getah.

4.4 TANAH

Tanah adalah merupakan salah satu faktor yang penting dalam kehidupan masyarakat di luar bandar. Ini adalah kerana faktor pemilikan tanah sedikit-sebanyak akan mempengaruhi jumlah pendapatan mereka. Oleh kerana tanah bukan memberikan pekerjaan serta pendapatan, ia merupakan satu alat untuk mengukur sama ada seseorang itu kaya atau miskin.

a) Pemilikan tanah di Kampung Sri Arjuna

Daripada seramai 50 responden yang dikaji, didapati bahawa jumlah mereka yang memiliki tanah sama ada secara kepunyaan mereka sendiri atau diwarisi adalah berjumlah 27 orang. Tanah-tanah ini

sama ada merupakan tanah tapak rumah atau tanah yang digunakan untuk menghasilkan pengeluaran.

Jadual 10 : Pemilikan tanah bagi 50 keluarga di Kampung Sri Arjuna

LUAS TANAH (EKAR)	BILANGAN	PERATUS
Tiada tanah	23	46
0.1 - 2	10	20
2.1 - 4	3	6
4.1 - 6	5	10
6.1 - 8	5	10
8.1 - 10	2	4
10.1 - 12	1	2
12.1 - 14	1	2
JUMLAH	50	100

Daripada jadual 10, dapat dilihat bahawa unit luas tanah digunakan adalah ekar. Ini adalah unit yang digunakan oleh penduduk di sini bagi mengukur tanah mereka. Daripada jadual juga didapati ramai di antara mereka mempunyai tanah yang tidak luas; kebanyakannya kurang daripada 2 ekar. Jumlah mereka yang mempunyai keluasan tanah ini ialah 20%. Terdapat 2 orang yang mempunyai tanah lebih daripada 10 ekar. Satu daripadanya memiliki tanah $11 \frac{3}{4}$ ekar manakala yang satu lagi mempunyai keluasan tanah $13 \frac{1}{2}$ ekar. Responden yang memiliki tanah $13 \frac{1}{2}$ ekar adalah seorang pekebun kecil getah yang hanya bergantung kepada pokok-pokok getahnya untuk menyara hidup keluarganya. Selain itu, beliau juga menanam ubi kayu dan sayur-sayuran untuk keperluan keluarganya. Bidang tanah ini dibeli melalui simpanan beliau.

b) Jenis-jenis tanah

Terdapat 2 jenis tanah iaitu:-

- i) Tanah pertanian iaitu tanah itu dikatakan mempunyai nilai ekonomi jika ia digunakan untuk menanam tanaman yang boleh mendatangkan hasil dan menambahkan pendapatan pemilik atau penanamnya.
- ii) Tanah bukapertanian iaitu tanah untuk tapak rumah kerana ia hanya digunakan untuk membina rumah bagi tempat tinggal pemiliknya.

i) Tanah Pertanian

Di antara tanaman-tanaman yang ditanam oleh mereka yang dikaji di tanah pertanian mereka ialah ubi kayu, getah, sayur-sayuran dan buah-buahan. Tanah untuk penanaman ubi kayu adalah penting bagi mereka yang mempunyai keluasan tanah yang sedikit dan tidak cukup luas untuk penanaman getah. Pada amnya, keluasan tanah ubi kayu ini adalah tidak lebih daripada $3\frac{1}{2}$ ekar. Kebanyakan mereka mempunyai tanah pertanian di antara 1 - 2 ekar sahaja; yang hanya cukup untuk kegunaan keluarga serta saudara-mara. Ini adalah kerana kebanyakan mereka merupakan penoreh getah yang tidak hanya hidup bergantung kepada penanaman ubi kayu dan sayur-sayuran sahaja. Jumlah pendapatan mereka adalah dari hasil getah.

Kebun getah pula adalah lebih penting kerana bagi sesetengah mereka, tanah ini merupakan sumber utama rezeki mereka untuk menyara keluarga. 10 responden mempunyai kebun getah yang lebih daripada 4 ekar tetapi kurang daripada 9 ekar. Hanya bilangan ini sahaja yang memiliki kebun getah.

Jumlah dusun buah-buahan yang dimiliki oleh salah seorang daripada responden ialah 4 ekar. Tanaman utama yang ditanam di dusun ini ialah pokok rambutan, pisang, kelapa, durian dan cempedak. Pemilik tanah dusun ini mengatakan bahawa hasilnya hanyalah untuk dimakan. Jikalau buah-buahannya menjadi, elok dan banyak, barulah hasil yang berlebihan itu akan dijual. Pendapatan daripada tanah dusun ini adalah tidak tinggi dan pendapatannya adalah bermusim.

ii) Tanah bukan pertanian

Di Kampung Sri Arjuna, tanah untuk tapak rumah ini adalah tidak luas. Kebanyakan keluarga mempunyai keluasan tanah tapak rumah sebanyak 2 ekar. Ada 2 responden yang mempunyai tanah yang lebih luas iaitu 5 ekar. Mereka ini menggunakan tanah yang lapang untuk menanam pokok-pokok buah-buahan seperti pokok pisang, kelapa dan lain-lain di belakang atau di tepi rumah mereka, tetapi penggunaan tanah ini hanyalah dalam bentuk sekunder sahaja. Ada juga di antara mereka yang tidak mempunyai tanah jenis ini langsung. Ada yang menetap di tanah kepunyaan saudara-mera mereka atau mereka menetap di tanah ibu bapa mereka.

c) Cara-cara pemilikan tanah

Deripada penyelidikan pengkaji, terdapat 2 cara bagaimana seseorang itu dapat memiliki tanah. Cara-cara tersebut adalah:-

- i) cara warisan atau pusaka
- ii) cara belian

i) Cara warisan atau pusaka

Tanah pusaka merupakan tanah yang telah diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain melalui sistem perwarisan. Tanah-tanah yang dianggap harta-pusaka itu akan akan dibahagi-bahagikan kepada ahli atau waris yang berhak menerimanya. Mengikut undang-undang Islam, ada 4 syarat bagaimana seseorang itu dapat menerima harta pusaka;¹

- i) kekeluargaan
- ii) perkahwinan
- iii) penjaga
- iv) agama

Mereka yang berhak menerima harta-pusaka adalah dihadkan kepada mereka yang telah ditentukan oleh undang-undang Islam dan mengikut bahagian-bahagian yang tertentu sahaja. Tanah yang akan diwarisi oleh waris si mati bergantung kepada banyaknya harta atau tanah yang ditinggalkan oleh si mati. Harta-pusaka yang banyak atau sedikit yang akan diterima oleh waris nanti juga bergantung kepada besar-kecilnya keluarga si mati dan ahli warisnya. Hak penerimaan dan hak bahagian-bahagian pusaka juga bergantung kepada jantina. Walau bagaimanapun, faktor terpenting dalam mempengaruhi jumlah pemilikan tanah pusaka ialah kedudukan ekonomi si mati itu sendiri.

ii) Cara belian

Seseorang itu berkebolehan memperoleh¹ atau membeli tanah jika ia mempunyai wang yang lebih dan juga ada pula orang yang hendak menjual tanah kepadanya. Pembelian tanah adalah bagi memenuhi dua keyakinan;²

- i) dibeli untuk dikerjakan sebagai memenuhi sumber asas mata pencarian
- ii) dibeli untuk disimpan dan dikumpulkan sebagai suatu 'asset' baik untuk dijual atau ditukarkan kepada wang tunai semasa pemiliknya memerlukan wang ataupun bagi menambahkan harta kekayaan. Ini adalah kerana tanah juga boleh membawa pendapatan yang lebih tanpa usaha-usaha dari tenaga tuan punya tanah itu sendiri. Pendapatan ini dipanggil 'non-labour income'.

Cara-cara pemilikan tanah bagi penduduk di Kampung Sri Arjuna boleh dilihat dari jadual di bawah:-

Jadual 11 : Cara pemilikan tanah

CARA PEMILIKAN	BILANGAN	PERATUS
Pusaka	5	24
Belian	11	52
Pusaka dan belian ¹¹	5	24
JUMLAH	21	100

Daripada jadual 11, kita dapati bahawa kebanyakan mereka memperoleh¹ tanah melalui pembelian. Jumlahnya adalah 52%. Mereka ini mampu mengumpulkan wang untuk membeli tanah dengan cara bekerja

keras untuk mendapatkan wang yang berlebihan.

Terdapat 5 orang yang memiliki tanah tanpa usaha sendiri untuk mendapatkannya. Mereka ini dapat memiliki tanah dengan cara mewarisinya daripada orang tua mereka atau isteri atau abang mereka.

Ada di antara mereka yang memiliki tanah melalui warisan dan di samping itu dapat pula membeli tanah sendiri. Mereka inilah yang mempunyai jumlah tanah yang banyak.

4.5 PENDAPATAN

Selepas membincangkan tentang aktiviti ekonomi penduduk serta pemilikan tanah, maka eloklah pula kita membincangkan tentang pendapatan penduduk-penduduk Kampung Sri Arjuna ini.³ Sumber pendapatan penduduk di kampung ini dapat dibahagikan kepada 3 bahagian:-

- i) pendapatan daripada pertanian
- ii) pendapatan daripada pekerjaan sampingan
- iii) pendapatan daripada pekerjaan makan gaji
sama ada dengan swasta atau kerajaan dan
berniaga

Konsep pendapatan yang akan digunakan untuk kawasan kajian adalah berdasarkan kepada jumlah wang yang didapati dan pekerjaan utama 50 ketua keluarga yang dikaji.

(sila rujuk jadual 12 di sebelah)

Jadual 12 : Jumlah pendapatan ketua keluarga

PENDAPATAN	BILANGAN	PERATUS
RM240 ke bawah	20	40
RM241 - RM480	17	34
RM481 - RM720	12	24
RM721 dan ke atas	1	2
JUMLAH	50	100

Daripada kajian yang dibuat mengenai pendapatan bagi 50 responden penduduk di Kampung Sri Arjuna ini menunjukkan jumlah pendapatan yang berbeza-beza. Faktor yang penting mengapa mereka memperolehi pendapatan yang berbeza ialah kerana sumber pendapatan mereka yang berbeza akibat perbezaan dalam aktiviti ekonomi.

Jumlah pendapatan ketua keluarga hanyalah meliputi pendapatan responden sahaja daripada pekerjaan tetap dan pekerjaan isteri atau suami mereka. Daripada jadual 12, didapati bahawa kebanyakan mereka iaitu 40% daripada mereka mempunyai pendapatan yang rendah iaitu di tingkat pendapatan yang bawah daripada RM240.⁴ Mereka mempunyai pendapatan yang agak rendah kerana mereka merupakan penoreh getah yang mempunyai pendapatan tidak tetap. Justeru itu, pendapatan ketua keluarga ini sentiasa berubah setiap bulan. Ini adalah kerana pekerjaan menoreh getah bergantung kepada cuaca iaitu sama ada hujan atau panas yang akan menentukan berapa banyak hari mereka dapat bekerja. Harga getah yang senantiasa turun naik dan keadaan pengeluaran susu pokok-pokok getah yang kurang memiaskan turut menjejaskan pendapatan mereka.

Mereka yang memperolehi pendapatan yang tinggi iaitu pendapatan yang lebih daripada RM721 hanyalah seorang sahaja. Pendapatan yang diperolehinya ialah sekitar RM300 sebulan Hasil daripada perniagaan menjual makanan seperti sate, mi dan nasi secara bersendirian di Pekan Batu 10.

Terdapat 58% daripada mereka yang memperolehi pendapatan di antara RM241 - RM720 sebulan. Mereka ini terdiri daripada mereka yang bekerja dengan kerajaan atau sektor swasta dengan pendapatan bulanan yang tetap dan di samping itu, dapat pula melakukan pekerjaan-pekerjaan sampingan untuk menambahkan pendapatan.

4.5.1 Jumlah Pendapatan Keseluruhan Keluarga

Pendapatan ini bermaksud jumlah pendapatan satu-satu keluarga dalam sesebuah rumah iaitu jumlah pendapatan ibu bapa atau suami-isteri dicampur dengan pendapatan anak-anak yang telah bekerja dan tinggal bersama serta sumbangan atau wang kiriman bulanan dari anak-anak yang bekerja dan tinggal di luar. Jumlah pendapatan adalah dalam bentuk wang.

Jadual 13 : Jumlah pendapatan keseluruhan keluarga

JUMLAH PENDAPATAN	BILANGAN	PERATUS
RM240 ke bawah	10	20
RM241 - RM480	22	44
RM481 - RM720	14	28
RM721 dan ke atas	4	8
JUMLAH	50	100

Sumber : Soalselidik

Daripada jadual 13, didapati sejumlah 32 keluarga mempunyai pendapatan kurang dari RM481 sebulan iaitu 64% daripada keseluruhan responden. Kebanyakan daripada mereka ini terdiri daripada penoreh getah serta isteri mereka juga bekerja sebagai penoreh getah. Anak-anak mereka pula kebanyakannya masih belum bekerja.

Mereka yang mempunyai jumlah pendapatan keluarga sebanyak RM481 - RM720 merupakan mereka yang makan gaji. Pendapatan keluarga adalah hanya dari sumber pendapatan suami sahaja. Hanya terdapat beberapa orang sahaja yang melakukan kerja-kerja sampingan selain daripada pekerjaan tetap mereka. Isteri mereka hanya menguruskan rumahtangga dan menjaga anak.

8% daripada jumlah keluarga memperolehi pendapatan sebanyak RM721 ke atas. Keluarga-keluarga ini mempunyai ketua keluarga dan isteri yang bekerja. Keluarga ini juga mempunyai anak-anak yang sudah dewasa dan membantu keluarga mereka memperolehi pendapatan yang lebih.

4.6 STRATIFIKASI SOSIAL

Kajian stratifikasi sosial merupakan satu kajian berkenaan dengan perbezaan antara manusia mengikut kriteria tertentu. Stratifikasi sosial dalam komuniti kampung boleh dilihat dari aspek status dan kelas.

Syed Husin Ali, berpendukan kajian yang dilakukan di Kampung Bagan telah memberikan enam faktor status iaitu:-

- i) ciri-ciri personal
- ii) pelajaran
- iii) agama
- iv) tanggungjawab komuniti
- v) pekerjaan
- vi) ekonomi

Bagi penduduk di Kampung Sri Arjuna, golongan yang mempunyai pendapatan tinggi dianggap orang berada dan merekalah yang menduduki status paling tinggi. Golongan ini digelar golongan 'senang' dan mereka terdiri daripada yang bekerja makan gaji, golongan peniaga dan pekebun kecil getah yang memperolehi sumber pendapatan yang tinggi daripada getah. Justeru itu, bolehlah dikatakan bahawa mereka yang mempunyai pendapatan RM700 ke atas dianggap orang yang mempunyai status lebih tinggi daripada mereka yang mempunyai pendapatan RM240 ke bawah. Orang-orang yang berstatus tinggi ini mempunyai peluang yang baik dalam bidang pencepaian sosial. Peluang ini termasuklah peluang untuk mengumpul harta seperti membeli tanah. Pemilikan barang-barang mewah seperti motokar, televisyen dan perabut-perabut rumah merupakan tanda-tanda yang dapat menunjukkan bahawa mereka ini adalah orang-orang yang berada atau golongan 'senang'.

Orang-orang yang mempunyai wang ini juga mempunyai peluang yang baik untuk bergiat dalam bidang politik. Mereka ini dianggap sebagai pemimpin dan dikatakan sebagai orang yang kuat dalam parti. Mereka ini merupakan orang terpenting dalam usaha memajukan kampung.

Selain penggunaan wang yang memainkan peranan penting dalam masyarakat kampung, asas pembahagian stratifikasi sosial juga melalui pengetahuan agama yang diperolehi oleh seseorang itu. Biasanya, mereka ini terdiri daripada imam, bilal, ustaz dan guru agama. Mereka ini dipandang tinggi dan dianggap mempunyai peranan yang penting dalam majlis-majlis keagamaan seperti mengajar hal-ehwal berkaitan dengan agama, peranan mereka dalam kenduri arwah, sembahyang jenazah dan sebagainya. Kebolehan dan pengetahuan ini meletakkan posisi mereka sebagai orang penting dalam komuniti kampung.

Kajian Syed Husin Ali di Kampung Bagan telah membuktikan orang-orang di sana memandang tinggi pada tokoh-tokoh agama.

'They strongly believe in the saying that those nearest to God are the believers who follows faithfully this injunctions. That is why people who are pious, religious and hold religious responsibilities are regarded with great respect in Kampung Bagan.' (Syed Husin Ali, 1964: 63)

Situasi ini juga kelihatan di kampung Ari Arjuna. Penghargaan pada tokoh agama ini juga dapat dilihat seperti dalam upacara kenduri. Seringkali, mereka ini lebih diutamakan.

Faktor peribadi juga memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan seseorang di kampung. Dalam perkara ini, faktor umur dapat menentukan kedudukan seseorang. Orang-orang muda di kampung mesti menghormati golongan tua. Perbuatan seperti bercakap dengan kasar dan kuat dianggap kelakuan yang kurang sopan. Dengan kemasukan unsur-unsur moden iaitu melalui taraf pendidikan, umur tidak lagi menentukan

status. Contohnya, golongan muda yang berkhidmat dengan kerajaan seperti guru, polis, tentera dan mereka yang makan gaji dipandang tinggi menggantikan tempat orang tua. Bagi penduduk Kampung Sri Arjuna hari ini, pekerjaan seperti guru, polis, tentera diberi penilaian yang tinggi oleh masyarakat kampung.

Peranan dan tanggungjawab seseorang juga dijadikan faktor penentu kedudukan seseorang. Orang mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam kampung seperti ketua kampung, ketua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dianggap mempunyai kedudukan yang istimewa di Kampung Sri Arjuna. Peranan mereka ini selain menguruskan hal-ehwal yang berkaitan dengan kampung, mereka juga bertanggungjawab terhadap kegiatan-kegiatan sosial di kampung dan menyelesaikan masalah-masalah sosial yang sering wujud di kalangan komuniti kampung seperti perselisihan sesama mereka. Dalam suasana seperti ini, masyarakat menilai ketua kampung sebagai hakim. Lantaran itu, berdasarkan kedudukan inilah mereka sering dihormati.

Kesimpulannya, faktor ekonomi dan pemilikan jawatan tetap dengan kerajaan serta faktor tanggungjawab dan peranan merupakan angkubah yang penting dalam menentukan status dan kelas seseorang di Kampung Sri Arjuna pada hari ini.

4.7 SIMPANAN

Daripada kajian yang dijalankan, pengkaji dapati bahawa daripada 50 responden yang dikaji, hanya 16 orang sahaja yang membuat simpanan sama ada di dalam bank atau Pejabat Pos atau

Tabung Haji atau Amanah Saham Nasional. Selebihnya iaitu seramai 34 orang tidak membuat simpanan di mana-mana. Mereka memberi alasan bahawa pendapatan mereka yang rendah sudah tidak mencukupi untuk perbelanjaan, apatah lagi untuk disimpan. Setiap bulan pendapatan mereka hanya sekadar cukup untuk seisi keluarga. Untuk mendapatkan jumlah simpanan sebenar mereka yang membuat simpanan adalah sukar kerana tidak ramai yang suka menghebohkan tentang simpanan mereka. Walaupun simpanan boleh mempunyai pelbagai jenis atau bentuk, tetapi apa yang pengkaji maksudkan dengan simpanan di dalam kajian ialah simpanan bentuk wang tunai.

Terdapat beberapa tujuan atau sebab mengapa penduduk membuat simpanan. Sebahagian daripada mereka mengatakan bahawa mereka membuat simpanan dengan tujuan untuk berjaga-jaga pada masa kecemasan atau di atas tujuan-tujuan lain. Ada yang membuat simpanan dengan tujuan untuk membeli tanah sebagai tapak rumah terutama mereka yang tidak mempunyai tapak rumah. Bagi mereka yang sudah memiliki tanah tapak rumah, simpanan adalah untuk membina atau membaiki rumah atau untuk membeli lebih banyak tanah lagi. Bagi mereka yang menyimpan di Tabung Haji, tujuannya hanyalah mempermudah dan membolehkan mereka menunaikan haji apabila simpanan mencukupi. Bagi yang mempunyai anak-anak yang masih belum cukup dewasa, kebanyakan mereka memberi alasan jaminan masa depan sebagai sebab mengapa mereka membuat simpanan. Di sini, bolehlah pengkaji tegaskan bahawa kesedaran untuk menabung itu memang ada dalam persepsi kehidupan masyarakat Jawa di kampung ini walaupun kebanyakan mereka berpendapatan rendah.

Disebabkan pendapatan penduduk adalah rendah dan tidak tetap, maka sukar bagi mereka untuk membuat simpanan secara teratur. Mereka yang bekerja dengan kerajaan lebih mampu untuk membuat simpanan kerana pendapatan mereka lebih tinggi dan tetap.

Jadual 14 : Jenis-jenis simpanan

JENIS SIMPANAN	BILANGAN	PERATUS
Amanah Saham Nasional	13	72
Simpanan Tabung Haji	1	6
Bank	2	11
Bank Simpanan Nasional	2	11
JUMLAH	18	100

Sumber : Soalselidik

Mereka yang menyimpan dalam Amanah Saham Nasional adalah 72%. Kebanyakan mereka hanya membuat pelaburan pokok sahaja iaitu sebanyak RM10. Selepas itu, mereka tidak menambahkan pelaburan kerana tiada wang ataupun kurangnya kesedaran dan kefahaman terhadap skim tersebut. 2 daripada responden membuat simpanan di bank dan mereka ini merupakan pekebun kecil getah. Ini menunjukkan bahawa para pekebun kecil tahu akan kepentingan serta keselamatan menyimpan wang di bank. Terdapat 2 responden pula yang menyimpan wang di Bank Simpanan Nasional. Menurut mereka, adalah lebih mudah menyimpan wang di Bank Simpanan Nasional daripada bank-bank yang terletak di Bandar Kuching kerana kedudukan Bank Simpanan Nasional yang terletak di Pekan Batu 10 iaitu pekan dan pasar yang terdekat dengan kampung ini. Selain layanan yang mesra, ia memudahkan serta menjimatkan masa mereka.

4.8 POLA PENGGUNAAN

Penggunaan ialah perbelanjaan sesebuah rumahtangga terhadap keperluan hidup seperti barang-barang pengguna dan perkhidmatan.⁵

Barang pengguna boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu barang-barang keperluan asas dan barang-barang mewah atau penggunaan yang tidak semestinya perlu.

Keperluan asasi ialah makanan, pakaian, perubatan, persekolahan anak-anak dan tempat perlindungan. Makanan dan pakaian merupakan keperluan asas yang paling utama dalam kehidupan manusia. Keperluan asas itu penting kerana ia boleh mempengaruhi fenomena lain dalam masyarakat seperti pengaruh kepada kehidupan keluarga, jenis dan saiz komuniti.

Penggunaan dapat diukur dengan wang yang dibelanjakan oleh sesebuah rumahtangga terhadap barang-barang pengguna dan perkhidmatan.

a) Penggunaan Terhadap Keperluan asas

i) Makanan dan minuman

Seperti etnik-etnik lain, masyarakat Jawa di sini juga mempraktikkan sistem atau rutin (waktu makan) yang hampir serupa iaitu minum pagi, makan tengahari dan makan malam. Begitu juga dengan minum petang. Namun, daripada pemerhatian pengkaji, mereka bersarapan dengan nasi sebagaimana makan tengahari atau makan malam. Apa yang pengkaji pasti, apabila mereka membuat minuman kopi atau teh, jarang sekali mereka menggunakan susu. Mereka hanya menggunakan susu atau jenis minuman lain yang lebih mahal apabila ada tetamu yang istimewa atau ada anggota keluarga yang sakit.

Namun, sesuatu yang menarik kepada masyarakat Jawa di Kampung Sri Arjuna ini ialah kebolehan dan kepakaran mereka membuat kuih 'rempeyek', tempe dan tapai ubi kayu yang turut menjadi sumber pendapatan sampingan sewaktu perayaan tertentu seperti Hari Raya Puasa berikutan banyaknya tempahan yang dibuat oleh orang ramai dari luar kampung ini.

Selain jarang menggunakan susu sebagai bahan minuman, penduduk di sini sebagaimana dalam pemerhatian pengkaji, juga jarang makan daging atau ayam. Bagi mereka, makanan seperti daging dan ayam hanyalah untuk mereka yang berpendapatan tinggi dan merupakan satu lambang 'high class' dan kemewahan.

ii) Pakaian

Pakaian sebagai keperluan asas yang kedua penting selepas makanan dan minuman, turut diberi perhatian oleh penduduk di kampung ini. Walau bagaimanapun, rata-rata yang ditemui oleh pengkaji, menyatakan bahawa pakaian hanyalah sesuatu yang 'simple' dan tidak perlu terlalu mengikut perkembangan fesyen semasa. Namun, berlainan sedikit untuk golongan muda. Unsur-unsur peniruan daripada perkembangan fesyen terkini agak jelas kelihatan.

b) Penggunaan terhadap barang-barang mewah

Barang-barang mewah merupakan konsep yang kabur kerana bagi mereka yang memperolehi pendapatan yang agak lumayan, barang-barang mewah seperti televisyen merupakan barangan biasa tetapi bagi mereka yang hanya sekadar cukup makan sahaja, barang tersebut adalah barang

mewah. Selain itu, memiliki barang-barang kemas, alat-alat perhiasan rumah dan kenderaan-kenderaan bermotor juga dianggap barang mewah walaupun ia lebih merupakan penggunaan.

Dari segi pemilikan terhadap barang-barang kemas, pengkaji mendapati sebahagian besar daripada isteri-isteri responden memiliki sekurang-kurangnya sebarang cincin yang biasanya mereka miliki dan perolehi sebagai hadiah perkahwinan. Ada di antara mereka yang sempat membeli barang-barang kemas tambahan selepas perkahwinan.

Dari segi hiburan, diperolehi secara percuma melalui radio dan televisyen. Namun, untuk golongan muda, mereka lebih suka ke Bandar Kuching untuk mencari hiburan terutamanya sewaktu diadakan pesta-pesta keramaian. Satu lagi hiburan percuma yang sering dinanti-nantikan oleh anak-anak muda di kampung ini ialah joget lambak atau 'nonton gendang' dalam bahasa Jawa. Joget lambak ini biasanya diadakan jika ada majlis-majlis perkahwinan. Inilah antara ciri-ciri hiburan tradisi yang masih kekal hingga ke hari ini di kampung ini. Walau bagaimanapun, adakalanya ia menimbulkan masalah sosial terutama jika berlaku pergaduhan yang hanya berpunca daripada perebutan pasangan menari yang terdiri daripada gadis-gadis muda.

NOTA HUJUNG

1. Dr. Ahmad Ibrahim, Islamic Law In Malaya, m.s. 251
2. Latihan Ilmiah Mohd. Ghani Mohd. Yusof
3. Semua aktiviti ekonomi di dalam apa-apa jua sektor yang mempunyai tujuan untuk menghasilkan pengeluaran dan pendapatan akan diperolehi untuk menyara hidup penduduk-penduduk. Pendapatan di sini dimaksudkan dengan segala penghasilannya yang diterima dalam bentuk wang atau barangan daripada usaha seseorang itu sama ada dengan menggunakan tenaga ataupun fikirannya.
4. Kajian oleh SERU pada tahun 1983 menetapkan garis kemiskinan pada RM384.00 sebulan untuk keluarga yang mempunyai 5 orang ahli. Maka, keluarga yang jatuh di bawah angka RM384.00 adalah dianggap miskin.

BAB 5 SOSIAL

Dalam bab ini, pengkaji buba membincangkan beberapa aspek sosial yang berkait-rapat dan saling pengeruh mempengaruhi dalam aspek identiti masyarakat Jawa di Kampung Sri Arjuna ini.

Justeru itu, pengkaji akan menyentuh mengenai aspek pendidikan, agama dan kepercayaan serta perhubungan sosial lalu mengaitkannya sedikit-sebanyak dengan identiti orang Jawa serta pengaruh dan kesannya terhadap generasi muda hari ini.

5.1 AMALAN SINKRETISME

Daripada pemerhatian pengkaji, masih terdapat pengamalan unsur-unsur 'sinkretisme' di kalangan penduduk di Kampung Sri Arjuna ini. 'Sinkretisme' ini bermaksud walaupun masyarakat Jawa di sini menganut agama Islam tetapi mereka masih juga mengamalkan adat-adat lama dan kepercayaan lama. Ini dapat dilihat dalam banyak perkara yang berkait-rapat dengan kehidupan harian.

Daripada 50 orang responden yang ditemui, 17 daripadanya mengakui masih menyimpan tengkal dan azimat yang diwarisi daripada nenek-moyang sejak turun-temurun. Tangkal dan azimat biasanya terdiri daripada ayat-ayat yang ditulis dalam bahasa Jawa kuno yang kemudiannya dibungkus dengan kain hitam atau kain putih. Selain itu, terdapat juga penggunaan kayu-kayu atau akar-akar tertentu serta botol kecil yang berisi minyak dan sebagainya. Ada juga yang mendapatkan benda-benda azimat dan tengkal ini daripada pawang, bomoh atau dukun Jawa

sendiri atau pawang-pawang daripada kaum lain di Sarawak seperti kaum Iban, Bidayah, Kelabit dan Melanau. Setiap tangkal mempunyai fungsinya yang tersendiri seperti mengelak gangguan daripada kuasa-kuasa ghaib atau makhluk halus, kecurian dan boleh juga digunakan untuk mengubat pelbagai jenis penyakit.

Paling menarik, pengkaji sendiri telah berkesempatan menemui seorang bomoh Jawa wanita dan beliau telah menawarkan sejenis minyak pengasih untuk pengkaji. (Walaupun bagaimanapun, beliau tidak membenarkan namanya dihebahkan di atas sebab-sebab tertentu). Menurutny, beliau tidak boleh mengheboh-hebohkan kepandaiannya dan kebomohannya itu kerana ditakuti melanggar syarat-syarat perbomohannya.¹ Semasa pengkaji berkunjung ke rumahnya, pengkaji dapati ada beberapa orang lelaki dan wanita dari pelbagai kaum datang menemuinya untuk mendapatkan tangkal pengasih. Pengkaji juga tidak dibenarkan sama sekali mengambil gambar bahan-bahan perubatannya itu.

Pengkaji juga difahamkan bahawa masyarakat Jawa seringkali dikaitkan dengan minyak 'senyonyong' iaitu sejenis minyak guna-guna yang mengandungi pelbagai fungsi. Malahan 'kekuatan' minyak 'senyonyong' ini diakui oleh beberapa orang pawang daripada kaum lain.²

Sebenarnya, berdasarkan ajaran Islam, amalan-amalan ini adalah jelas dianggap syirik kerana segala bantuan dan perlindungan hanyalah daripada Allah sahaja. Namun, sesetengah responden yang ditemui mengakui tidak dapat membuang tangkal-tangkal ini kerana ia telah lama sebatl dalam jiwa dan kehidupan mereka, malah menjadi sebahagian daripada kehidupan dan harta-pusaka tinggalan nenek-moyang sejak dulu lagi.

Selain itu, amalan mempercayai 'semangat rumah' juga masih kuat dipegang di kalangan sesetengah penduduk di kampung ini. Pengkaji difahamkan bahawa pembinaan sesebuah rumah mestilah berdesarkan hari, bulan dan waktu yang benar-benar sesuai sebelum ia didirikan. Sepanjang pengkaji membuat penyelidikan, pengkaji berkesempatan membantu sebuah keluarga di Lorong 3 yang mendirikan rumah tepat jam 12.00 malam. ~~S~~esungguhnya, perkara ini merupakan suatu pengalaman yang menarik walaupun ia begitu jauh menyimpang daripada nilai-nilai keagamaan, malah kalau dikaji dari sudut realitipun tentunya sukar untuk membuat kerja-kerja membina rumah di tengah malam. Apa pun jua, pemilik atau tuan rumah berkenaan begitu teguh kepercayaannya terhadap kitab suci orang Jawa yang disebut sebagai 'Primbon' dan 'Majarobat'.³

Amalan 'makan tolak bala' ketika penghujung bulan Safar mengikut takwim Islam juga masih disalurkan setiap tahun di Kampung Sri Arjuna ini. Pada hari Rabu terakhir dalam bulan Safar ini, penduduk-penduduk di sini akan keluar beramai-ramai membawa pelbagai jenis makanan dan juadah yang enak-enak untuk dimakan bersama-sama di tepi-tepi jalan di sekitar kampung. Ia kelihatan seolah-olah sebuah pesta makan di tepi dan di pinggir jalan. Sebelum itu, orang tua-tua akan membaca doa tolak bala terlebih dahulu di hadapan kemenyan yang dibakar. Doa-doa tersebut lebih merupakan doa-doa dalam bahasa Jawa Kuno.

Amalan-amalan sinkretisme ini turut dikesampingkan dengan amalan-amalan seperti membuang atau mencampakkan sapu lidi dan

parang tumpul sewaktu hujan lebat. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak mendapat jawapan yang meyakinkan mengapa amalan ini dipraktikkan. Mereka hanya mengatakan bahawa hantu taufan akan beredar jika melihat objek-objek tersebut. Mereka turut membakar kayu gaharu sewaktu hujan panas yang dikatakan dapat menghalau hantu hujan panas kesan daripada bau asap kayu gaharu yang kuat tadi.

Begitulah sebahagian daripada amalan-amalan sinkretisme yang masih wujud dan diamalkan oleh masyarakat Jawa di Kampung Sri Arjuna ini walaupun ia jelas bertentangan dengan Islam. Ini menunjukkan bahawa penduduk-penduduk Jawa di kampung ini walupun tidak kesemuanya, begitu sukar membuang kepercayaan lama. Sebaliknya, ada yang cuba dan berusaha mengekalkan amalan ini seiring dengan pegangan agama Islam yang dianuti.

Sebenarnya, apa yang pasti nilai-nilai Hinduisme dan Kebudayaan yang mereka warisi sejak turun-temurun masih belum luput daripada diari kehidupan mereka. Sesetengah mereka yang merujuk Tuhan atau Allah dengan panggilan 'Gusti' jelas membuktikan kuatnya pengaruh unsur Hinduisme ini.

5.2 PERHUBUNGAN SOSIAL

Hubungan sosial di antara masyarakat Jawa dengan masyarakat luar merupakan aspek penting yang mewujudkan pelbagai corak hubungan dan interaksi sosial, politik dan ekonomi. Masyarakat Jawa di kampung ini telah lama mengedakan hubungan dengan masyarakat luar.

Namun demikian, pada peringkat awal terutama sebelum tercetusnya

Perang Dunia Kedua, masyarakat Jawa di Sarawak tidak banyak bergaul dengan masyarakat di luar. Ini diakui sendiri oleh Ketua Kampung Haji Dollah Wongso yang ketika zaman Jepun berusia belasan tahun. Setelah kedatangan Jepun, penduduk-penduduk di Sarawak turut mengalami zaman kebuluran yang menyebabkan mereka melakukan apa saja untuk mendapatkan makanan. Orang-orang Jawa yang tinggal di merata tempat ketika itu terpaksa berhijrah ke tempat-tempat lain untuk mencari perlindungan dan makanan. Kawasan paling selamat ketika itu ialah di kampung-kampung kaum Bidayuh di Beu, kampung-kampung Iban di Lundu dan Saribas. Di kampung-kampung inilah mereka memperolehi beras dan barang-barang makanan lain dan juga buah-buahan. Dari situlah interaksi masyarakat Jawa dengan etnik lain di Sarawak bermula dan interaksi ini berkekalan hinggalah ke hari ini.

Bagi masyarakat Jawa di Kampung Sri Arjuna, hubungan sosial mereka lebih kepada kaum Cina kerana kaum inilah yang paling ramai di Pekan Batu 10. Sesetengah daripada pekedai Cina ini mahu menerima belian secara kredit daripada penduduk-penduduk di Kampung Sri Arjuna ini atas dasar telah lama mengenali di antara satu sama lain. Hubungan kemesraan ini jelas wujud terutama apabila Hari Raya Puasa. Masyarakat Cina khasnya dari Pekan Batu 10 akan berkunjung ke rumah mereka. Begitulah sebaliknya sewaktu perayaan Tahun Baru Cina.

Walaupun bagaimanapun, hari ini hubungan sosial di antara masyarakat Jawa di kampung ini dengan etnik Iban dan Bidayuh agak renggang sedikit. Ini mungkin disebabkan oleh kedudukan petempatan masyarakat

Iban dan Bidayuh yang agak jauh dari kampung ini. Selain itu, hubungan perniagaan tidak begitu terjalin sebagaimana hubungan dengan masyarakat Cina. Kalau adapun hubungan perniagaan hanyalah pada waktu musim buah-buahan iaitu musim durien, langsung dan duku. Pada musim buah-buahan ini, penduduk di kampung ini akan ke kampung-kampung orang Iban dan Bidayuh untuk membeli buah-buah yang masih segar.

Di kalangan penduduk-penduduk di Kampung Sri Arjuna sendiri, perhubungan dan interaksi sesama mereka adalah baik. Pada waktu-waktu lapang di sebelah petang atau hujung minggu, nilai-nilai seperti ziarah-menziarahi masih tetap diamalkan. Jikalau ada jiran yang sakit, kebiasaannya mereka akan datang menziarahi jiran berkenaan terutama pada sebelah malam. Sesuatu yang menarik ialah biasanya mereka tidak datang dengan tangan kosong. Mereka akan membawa gula, kopi, teh, biskut dan susu selain buah-buahan. Lantaran itulah, nilai dan perasaan persaudaraan di kalangan mereka begitu tinggi. Konsep yang mementingkan saudara atau 'sedulure' begitu kuat dan kukuh di kalangan masyarakat Jawa di kampung ini. Amalan ziarah-menziarahi ini juga begitu jelas kelihatan sewaktu Hari Raya Pusesa malah kunjungan di kalangan jiran-tetangga dan saudara-mara berlanjutan sepanjang bulan Syawal.

5.3 PERKAHWINAN CAMPUR

Dalam masyarakat Jawa, perkahwinan campur dengan orang luar telah lama berlaku. Perkahwinan ini berlaku terutamanya di kalangan orang-orang Jawa yang tinggal atau hidup bersama dengan kelompok-

kelompok lain seperti Melayu, Cina, Iban dan Bidayah.

Perkahwinan campur ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Di antaranya adalah seperti berikut:

- i) Kemudahan jalan raya memungkinkan berlakunya hubungan antara masyarakat kampung dengan masyarakat luar.
- ii) Hubungan orang luar dengan masyarakat kampung ketika mereka bekerja.
- iii) Pergaulan dengan pelbagai kaum semasa belajar di sekolah rendah dan menengah.
- iv) Ibu bapa tidak melarang anak mereka mencari jodoh atau pasangan sendiri.

Faktor-faktor di atas merupakan pendorong utama kepada berlakunya perkahwinan di antara anggota kampung ini dengan orang luar. Jalan raya yang bertar memudahkan pergerakan orang luar keluar masuk ke kampung ini. Keadaan ini berbeza daripada keadaan pada tahun-tahun 60-an dan 70-an dahulu. Selain itu, pemuda-pemuda di kampung ini juga sering tertarik dengan gadis-gadis di tempat kerja mereka walaupun mereka bukan orang Jawa.

Ibu bapa juga penting dalam menentukan jodoh anak-anak mereka. Pada masa dahulu, ibu bapa di kampung ini tidak begitu gemar untuk menjodohkan anak-anak mereka dengan orang lain selain daripada kaum sendiri. Perkahwinan di antara orang sesama kampung amat digalakkan.

Bagaimanapun, keadaan sekarang telah banyak berubah. Anak-anak bebas memilih calon isteri dan suami. Namun begitu, keutamaan diberikan kepada calon pasangan yang tinggal berdekatan dengan

kampung mereka. Calon-calon dari kaum lain agak dialu-alukan (walaupun dulunya fenomena ini tidak begitu digalakkan dan digemari oleh ibu bapa), dengan syarat mereka mahu memeluk agama Islam dan mahu mengikuti cara hidup orang Jawa.

Fenomena 'masuk Melayu' biasanya dikaitkan dengan perkahwinan di antara orang Jawa dengan kaum lain yang memerlukan orang dari kaum lain itu memeluk agama Islam. Kebiasaannya, pasangan yang berkahwin adalah terdiri daripada lelaki Jawa dengan wanita Iban atau Bidayuh. Jarang sekali berlaku perkahwinan di antara wanita Jawa dengan lelaki Iban atau Bidayuh. Apabila pasangan tersebut berkahwin, gadis Iban atau Bidayuh berkenaan selalunya akan berpindah ke kampung ini.

Perkahwinan campur di antara orang-orang Jawa dengan orang Cina juga turut berlaku di kampung ini. Walau bagaimanapun, fenomena kahwin Cina ini tidak begitu digemari di kalangan masyarakat Jawa di sini. Ini disebabkan beberapa pengalaman 'hitam' yang berlaku kepada pasangan yang berkahwin tadi. (Pengkaji akan menerangkannya dalam kajian kes selepas ini).

Selain daripada pergaulan di tempat kerja perkenalan di sekolah, satu lagi faktor menarik yang membawa kepada perkahwinan campur ini ialah disebabkan adanya tradisi joget lambak atau 'honton gendang' dalam bahasa Jawa. Joget lambak ini biasanya diadakan sewaktu majlis kenduri kahwin. Pemuda-pemuda kampung ini akan membawa teman dan pasangan masing-masing yang sesetengahnya adalah daripada kaum lain. Kemesraan yang wujud sewaktu acara joget lambak ini seringkali berakhir dengan perkahwinan walaupun

adakalanya perkahwinan ini ditentang oleh keluarga pemuda berkenaan.

Namun, perkahwinan campur yang paling banyak dan kerap berlaku ialah dengan orang Melayu sama ada lelaki ataupun wanita. Daripada soalselidik pengkaji, pengkaji mendapati lebih daripada 20 pasangan yang berkahwin dengan orang Melayu. Faktor persemaan agama iaitu Islam mungkin menjadi punca mengapa perkahwinan dengan kaum Melayu lebih diterima oleh masyarakat di kampung ini. Walau bagaimanapun, kalau pasangan berkenaan terus tinggal di Kampung Sri Arjuna, isteri atau suami yang berbangsa Melayu tadi pastinya akan menjadi 'Jawa' akhirnya. Mereka akan berusaha sedikit demi sedikit mengajarnya berbahasa Jawa selain turut mempraktikkan amalan-amalan Jawa lainnya.

Sebenarnya, perkahwinan campur di antara orang-orang Jawa dengan masyarakat luar telah mendatangkan beberapa masalah dan kesan yang kurang baik. Untuk menjelaskan lagi proses, masalah dan implikasi daripada perkahwinan campur ini, pengkaji akan mengemukakan kes perkahwinan campur yang berlaku di kampung ini.

(i) Kes Perkahwinan Campur Dengan Cina

Sebagaimana yang pengkaji nyatakan sebelum ini, perkahwinan campur dengan kaum Cina tidak begitu digemari oleh masyarakat Jawa di kampung ini. Setakat ini, cuma terdapat 2 kes sahaja perkahwinan campur dengan kaum Cina. Kes pertama melibatkan seorang pemuda Jawa dengan wanita Cina sementara kes kedua melibatkan wanita Jawa dengan pemuda Cina.

Persoalan yang tidak disenangi oleh penduduk Jawa di sini ialah tentang akidah serta nilai-nilai kehidupan Islam dan Jawa itu sendiri yang nampaknya agak dicemari oleh pasangan-pasangan berkenaan. Sebenarnya, pengkaji tidak berani untuk melabelkan pasangan berkenaan sebagai terpesong akidahnya. Namun, daripada perbualan pengkaji dengan orang-orang kampung malah saudara-mara pasangan tersebut jelas membayangkan betapa mereka amat kecewa dengan nilai-nilai akidah pasangan-pasangan berkenaan. Yang jelas, menurut mereka, pasangan-pasangan ini sudah tidak begitu menghormati nilai-nilai tradisi Jawa malahan unsur-unsur agama Islam juga seringkali tidak begitu dihiraukan.

Kedua-dua pasangan tersebut sebenarnya berkahwin atas dasar suka sama suka walaupun perkahwinan tersebut mendapat tentangan hebat daripada keluarga mereka. Bagi pasangan kes yang pertama, mereka berpindah ke tempat lain dan mengasingkan diri daripada masyarakat Jawa di kampung ini, sementara bagi pasangan kes yang kedua, mereka juga turut berpindah ke Bintulu dan jarang-jarang sekali pulang ke kampung ini menemui saudara-mara dan keluarganya.

(ii) Kes Perkahwinan Campur Dengan Iban Atau Bidayuh

Bagi kes perkahwinan campur dengan orang Iban atau Bidayuh, hampir kesemuanya mahu tinggal di kampung ini serta mengikuti nilai-nilai kehidupan masyarakat Jawa dan Islam di sini. Namun, masalah timbul apabila adanya perayaan-perayaan tertentu seperti Perayaan Gawai Dayak dan Krismas. Biasanya, mereka ingin kembali ke rumah orang tua mereka bagi merayakan perayaan-perayaan tersebut bersama keluarga asal mereka. Di sinilah, pertelagahan akan timbul sehingga

adakalanya terpaksa diselesaikan melalui campur tangan keluarga dan ibu bapa.

Sebenarnya, perkahwinan campur melibatkan perbezaan agama dan kepercayaan. Sebelum melangsungkan perkahwinan, salah seorang daripada pasangan itu hendaklah menukar agama dan kepercayaannya serta mengikuti kepercayaan atau agama suami atau isterinya.

Di samping masalah adat resam dan cara hidup yang berlainan timbul pula masalah untuk menyesuaikan diri setelah berkahwin. Situasi ini akan berlaku apabila orang dari kaum lain yang berkahwin dengan orang Jawa dan mereka akan menetap di kampung ini serta mengikuti cara hidup masyarakat Jawa.

Akibat daripada perkahwinan campur juga akan mewujudkan satu bentuk masyarakat baru yang mempunyai dua bahasa pertuturan. Generasi baru ini akan bertutur dalam kedua-dua bahasa ibu dan bapanya. Bagaimanapun, ada juga kes yang timbul iaitu anak-anak pasangan kahwin campur itu hanya boleh bertutur dalam satu bahasa saja. Justeru itu, faktor kediaman keluarga yang berkahwin amat mempengaruhi sosialisasi anak-anak yang dilahirkan. Kalau si bapa orang Jawa dan ibunya orang luar tetapi tinggal di kalangan masyarakat Jawa, maka anaknya akan lebih menunjukkan ciri-ciri dan identiti seorang Jawa. Demikian juga sebaliknya.

Perkahwinan campur yang berlaku juga boleh mendatangkan kesan yang sihat. Hubungan sosial masyarakat Jawa dengan masyarakat luar menjadi semakin erat. Hubungan ini bukan sahaja meliputi keluarga dan sanak-saudara tetapi juga melibatkan hubungan antara orang Jawa dengan orang Cina, Melayu, Iban dan Bidayuh. Situasi ini menyebabkan ruang lingkup hubungan sosial masyarakat Iban di sini dengan orang

luar bertambah luas.

Kesimpulannya, perkahwinan campur yang berlaku di antara orang-orang Jawa di kampung ini dengan orang luar itu penting untuk meluaskan lagi hubungan sosial mereka. Namun demikian, masalah jurang perbezaan dalam soal kepercayaan, adat-resam dan cara hidup menjadi penghalang utama bagi proses ini. Perkahwinan campur ini juga menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti masalah penyesuaian diri (adaptasi) dalam masyarakat baru dan prasangka di antara masyarakat yang terlibat dalam proses perkahwinan campur.

5.4 PENDIDIKAN

Pendidikan merupakan salah satu saluran penting untuk membangunkan taraf sosio-ekonomi sesebuah masyarakat. Melalui pendidikan juga sesebuah masyarakat dapat diintegrasikan ke dalam satu sistem pendidikan yang sama dan dapat menghubungkan masyarakat yang terpisah.

Masyarakat Jawa secara keseluruhannya masih rendah pencapaiannya dalam bidang pendidikan jika dibandingkan dengan kaum Cina dan Melayu di Sarawak. Mengikut Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, peratusan kelulusan pelajar-pelajar Jawa dalam sekolah menengah, vokasional dan peringkat tinggi adalah rendah berbanding etnik-etnik lain.

Kemunduran masyarakat Jawa dalam bidang pendidikan dan kaum Bumiputera lain dalam bidang yang sama ada kaitannya dengan dasar pendidikan pemerintahan keluarga Brooke dan zaman Kolonial. Dasar pendidikan pemerintahan keluarga Brooke dapat dilihat melalui

pendirian Charles Brooke tentang soal pelajaran iaitu:

'As for school among native; for the education of the simple Dayaks, it is beyond doubt that such establishment would be of the greatest service to the people and would be attended by the youthful community if proper care were taken and competent teachers could be procured. But it is not desirable that any of the native tribe should be intermixed with Chinese or other races, as they would seriously and rapidly degenerate to the rascalities of the more civilised children and would soon learn to despise their parents and relatives'.

(Brooke, 1866: 326)

Kedua ini berulang lagi pada zaman Kolonial iaitu dasar pendidikan penjajah ialah memberi pendidikan 'ala kedar' saja supaya anak negeri tahu membaca dan menulis agar mereka dapat menjadi 'petani' dan 'nelayan' yang lebih baik daripada ibu bapa mereka (Syed Idrus, 1990: 241). Corak dan dasar pendidikan ini telah memberi kesan yang mendalam terhadap kemunduran pencapaian dalam bidang pendidikan.

Di sini, pengkaji akan membincangkan tentang persekolahan ketua keluarga, isteri dan anak-anak mereka dengan khusus kepada penduduk-penduduk Jawa di Kampung Sri Arjuna ini. Pendidikan merupakan jalan keluar yang berkesan untuk mobiliti atasan sosio-ekonomi. Sebab utamanya ialah pendidikan dianggap universal dan peluang untuk memperolehi pelajaran terbuka kepada semua orang dan tidak terhad kepada ras, agama, kekayaan dan lain-lain lagi.

Justeru itu, pendidikan merupakan satu cara untuk seseorang itu dapat memperbaiki tarafnya. Peluang seseorang itu untuk memperolehi pekerjaan yang bertaraf tinggi dengan diiringi oleh pendapatan tinggi dan akhirnya penempatan status yang tinggi adalah ditentukan

oleh banyak mana pendidikan yang diterimanya. Pendidikan atau pelajaran tidak sahaja bergantung kepada taraf persekolahan tetapi juga boleh merupakan pengalaman manusia dalam menghadapi keadaan kehidupan seharian.

a) Persekolahan Ketua Keluarga dan Isteri

Daripada jadual 15 boleh didapati bahawa pencapaian pendidikan mereka boleh dibahagi kepada tiga bahagian iaitu sekolah rendah (Darjah 1 - 6), sekolah menengah (tingkatan 1 - 3) dan yang tidak bersekolah.

Jadual 15 : Persekolahan Ketua Keluarga isteri

TAHAP PERSEKOLAHAN	SUAMI	%	ISTERI	%
Tak Bersekolah	25	50	47	94
Darjah 1 - 6	15	30	3	6
Tingkatan 1 - 5	10	20	-	-
JUMLAH	50	100	50	100

Sumber : Soaldelidik

Daripada jadual 15, didapati bahawa 25% daripada ketua keluarga yang dikaji tidak mendapat pendidikan dan alasan-alasan yang telah diberikan oleh mereka ialah sekolah pada masa itu jauh dari rumah dan ibu bapa mereka tidak berupaya untuk membiayai kos persekolahan. Mereka yang tergolong dalam kategori ini terdiri daripada golongan tua yang berumur lebih daripada 55 tahun.

Walaupun begitu, 30% pula mendapat pendidikan sekolah rendah dan sebahagian daripada jumlah ini adalah dari darjah 1 - 3. Yang lainnya iaitu 20% mendapat pendidikan dari tingkatan 1 - 5 dan

merupakan golongan generasi muda iaitu dalam lingkungan umur antara 20 hingga 30 tahun. Mereka yang menerima pendidikan hingga sekolah menengah ini sedikit sebanyak memahami serta boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Inggeris.

Di kalangan isteri ketua keluarga pula, lebih kurang 94% tidak mendapat pendidikan, sementara yang lainnya iaitu 6% pula mendapat pendidikan setakat setakat Darjah 3 sahaja. Jarang sekali di antara mereka yang menamatkan pendidikan sehingga Darjah 6. Mereka biasanya berhenti sekolah setelah pandai membaca dan menulis.

Jumlah isteri yang tidak mendapat pelajaran ini adalah agak tinggi jika dibandingkan dengan tingkat persekolahan suami mereka. Peratusan ini mungkin disebabkan oleh anggapan sesetengah ibu bapa bahawa wanita tidak perlu diberikan pendidikan secara formal.

Menurut kata orang-orang tua di kampung ini, hal sedemikian berlaku adalah disebabkan pada masa dahulu anak-anak gadis dilarang keras meninggalkan rumah. Justeru itu, hanya anak lelaki saja yang dihantar ke sekolah. Masyarakat Jawa lebih mengutamakan pendidikan yang berhubung dengan soal-soal urusan rumahtangga. Ketika berumur 9 tahun, anak perempuan sudah diajar cara-cara memasak, mengemas dan mengatur rumah serta menjaga bayi dan kenek-kanak yang masih kecil. Lantaran itu, peranan ibu dan nenek adalah amat penting dalam proses mengasuh dan mendidik anak-anak gadis sebagai persediaan menghadapi alam berumahtangga kelak.

b) Persekolahan Anak-anak

Apabila disebut anak-anak di sini dimaksudkan tanggungan seperti anak sendiri, anak angkat, cucu atau sesiapa saja yang

tinggal dengan ketua keluarga dan berada di bawah jagaan dan asuhannya.

Masyarakat Jawa di kampung ini menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Rendah Kerajaan Semenggok dan kemudiannya ke Sekolah Menengah Kerajaan Penrissen untuk melanjutkan pelajaran dalam peringkat menengah rendah dan atas. Ada juga yang menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Rendah Bantuan Chung Hua di Pekan Batu 10. Alasan mereka ialah supaya anak-anak mereka boleh menguasai Bahasa Mandarin dan apabila dewasa kelak, mereka mengharapkan kebolehan dan kemahiran anak mereka berbahasa Mandarin akan dapat membantu mereka memperolehi pekerjaan. Pandangan ini sebenarnya didorong pada pengalaman tahun 1960-an dan 70-an dahulu iaitu jika seseorang itu boleh berbahasa Mandarin, dia akan memperolehi elaun khas apabila menyertai pasukan polis.

Daripada kajian pengkaji, kesemua kanak-kanak yang berumur 7 - 12 tahun di kampung ini bersekolah. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa semakin sedar akan betapa pentingnya pendidikan bagi menjamin kehidupan anak-anak mereka pada masa akan datang.

Kini, belanje persekolahan anak-anak tidaklah begitu membebankan. Di sekolah rendah misalnya, dengan adanya bantuan kerajaan seperti Skim Pinjaman Buku Teks, Skim Susu dan dengan tiadanya yuran bulanan, maka ibu bapa dapat menjimatkan wang. Mereka hanya perlu membelikan buku rampaian, alat tulis dan pakaian seragam sekolah. Persediaan ini menelan belanje sekitar RM50 -RM100 setahun.

Setelah meninjau persekolahan anak-anak di peringkat sekolah rendah, pengkaji akan turut meninjau serba-sedikit persekolahan anak-anak di peringkat menengah. Perbelanjaan untuk menghantar seorang anak ke sekolah menengah adalah jauh lebih tinggi berbanding perbelanjaan sekolah rendah. Seseorang pelajar yang berada dalam tingkatan menengah rendah mesti mempunyai wang sekurang-kurangnya RM100 untuk membeli buku teks yang tidak dapat dipinjam, manakala mereka yang berada di tingkatan 4, 5 dan 6 pula memerlukan sebanyak RM100 - RM200 setahun. Selain itu, mereka juga turut mengeluarkan wang untuk membeli alat tulis, buku-buku tulis, yuran sekolah, yuran peperiksaan yang dikenakan kepada mereka bagi mengambil dan menduduki peperiksaan SRP, SPM dan STPM. Terdapat juga murid-murid yang pergi ke sekolah dengan berbasikal. Ada yang menyewa van untuk menghantar anak-anak mereka berulang-alik ke sekolah dengan bayaran RM25 sebulan.

Secara purata, seorang pelajar yang berada dalam tingkatan 3 dan ke bawah memerlukan wang sebanyak RM300 setahun dan bagi mereka yang berada dalam tingkatan 4, 5 dan 6, sebanyak RM400 - RM500 diperlukan setahun. Di sini, dapat kita lihat bahawa memberi pendidikan kepada anak-anak memerlukan wang yang bukan sedikit.

Justeru itu, bagi remaja yang tidak bersekolah bukanlah kerana ibu bapa mereka tidak sedar akan keperluan dan kepentingan pendidikan, tetapi adalah disebabkan oleh ketidakmampuan mereka untuk membiayai persekolahan mereka. Mereka ini adalah anak-anak yang datang dari keluarga miskin dan mempunyai tanggungan yang

ramai. Daripada perbualan dengan ibu bapa tentang sebab-sebab mereka memberhentikan anak-anak mereka dari sekolah pada peringkat tertentu, didapati di antara sebab-sebab yang telah dikemukakan ialah anak-anak mereka berhenti kerana gagal peperiksaan, kemiskinan, tidak berminat untuk belajar, mencari pekerjaan dan menolong ibu bapa meringankan beban keluarga. Kebanyakan murid yang berhenti sekolah adalah kerana tidak berminat lagi untuk meneruskan pelajaran atau kerana kemalasan mereka itu sendiri.

Walaupun masalah kewangan merupakan punca yang menyebabkan kanak-kanak tercicir, namun terdapat juga faktor-faktor lain yang sedikit-sebanyak menyebabkan kanak-kanak tersebut tercicir atau tidak mempunyai minat untuk belajar. Faktor-faktor tersebut ialah seperti nilai dan sikap ibu bapa terhadap pelajaran, keadaan rumah dan pergaulan dengan 'peer group' yang tidak bersekolah atau menganggur.

Pada amnya, ibu memainkan peranan penting dalam membantu anak-anak ini dalam pendidikan formal ini. Bagaimanapun, lebih separuh daripada ibu-ibu di kampung ini adalah buta huruf. Keadaan ini menyukarkan mereka untuk membantu anak-anak ini. Justeru itulah, ibu anak-anak tersebut tidak dapat memberi apa-apa pertolongan terhadap perkembangan pendidikan anak-anak mereka.

Selain itu, pengaruh daripada rakan-rakan sebaya yang tidak lagi bersekolah dan sudah bekerja turut menjejaskan minat mereka untuk belajar. Pengalaman-pengalaman menarik semasa bekerja di samping dikaburi dengan cerita pendapatan atau gaji yang menarik menyebabkan pelajar-pelajar berkenaan tawar hati untuk meneruskan pelajaran mereka.

Apa yang menjadi rungutan di kalangan ibu bapa di sini ialah ketiadaan sebuah TADIKA atau Taman Didikan Kanak-kanak. Tadika dirasakan perlu bagi kanak-kanak ini kerana ia merupakan proses sosialisasi formal yang pertama diterima oleh seorang kanak-kanak. Selain itu, Tadika juga akan dapat menyediakan diri kanak-kanak ke alam persekolahan yang sebenarnya.

Ketiadaan Tadika di kampung ini adalah di antara faktor-faktor yang menyebabkan pencapaian anak-anak Jawa di peringkat sekolah rendah adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pencapaian kanak-kanak Melayu dan Cina.

Dalam usaha kerajaan untuk membangunkan bidang pendidikan di Sarawak, berjuta-juta ringgit telah diperuntukkan melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia dan jumlah peruntukan itu telah bertambah dari satu rancangan kepada satu rancangan. Namun begitu, bidang pendidikan di Sarawak khususnya di kawasan luar bandar masih di tahap pencapaian yang rendah jika dibandingkan dengan pencapaian pendidikan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Melalui pendidikan, pencapaian sosio-ekonomi sesebuah masyarakat dapat ditingkatkan. Semakin tinggi pencapaian sesuatu kaum itu dalam bidang pendidikan, maka semakin tinggilah pencapaian mereka dalam kehidupan sosio-ekonomi mereka seperti yang berlaku dalam masyarakat Cina. Di sini, timbulnya kesedaran tentang pentingnya pendidikan di kalangan orang-orang Jawa bagi membangunkan masyarakat mereka.

Bidang pendidikan juga memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan interaksi dan hubungan etnik antara masyarakat Jawa dengan masyarakat luar. Setakat ini, usaha kerajaan untuk memajukan dan seterusnya mengintegrasikan masyarakat Jawa di sini melalui sistem pendidikan kelihatan agak berjaya. Kesedaran akan pentingnya pendidikan juga ada kaitannya dengan perkembangan sistem pendidikan itu sendiri yang telah menarik minat orang-orang Jawa di kampung ini. Begitu juga, kesedaran tentang nilai pendidikan ini juga lahir hasil daripada proses sosialisasi serta hubungan sosial yang wujud di antara mereka dengan masyarakat luar yang telah lama mencapai taraf yang tinggi dalam bidang pendidikan sepertimana yang berlaku terhadap masyarakat Cina, Melayu, Iban, Bidayuh dan kaum Bumiputera lain yang terdapat di Negeri Sarawak ini.

NOTA HUJUNG

1. Bomoh wanita berkenaan mewarisi ilmu per**bomohannya** daripada Allahyarham suaminya yangdikatakan memperolehi ilmu per**bomohannya** dari Indonesia
2. Minyak 'senyonyong' atau minyak guna-guna ini dikatakan diperolehi daripada bomoh Iban. Dalam bahasa Iban minyak tersebut **disebut** sebagai minyak 'sakang'. Walau bagaimana pun, ada yang mengatakan orang Ibanlah yang mempelajari ilmu mendapatkan minyak tersebut daripada orang Jawa.
3. Kitab 'Primbon' dan 'Majarobat' ini ditulis dalam bahasa Jawa halus dengan menggunakan tulisan jawi. Dahulunya, kedua-dua kitab ini menjadi sumber rujukan utama dalam apa-apa jua aktiviti yang ingin dilakukan. Orang-orang Jawa mempelajari dan membaca kitab-kitab tersebut untuk mengetahui ilmu-ilmu makrifat dan sebagainya.

BAB 6 KESIMPULAN

Masyarakat Jawa merupakan sebuah masyarakat yang kecil.

Menurut banci Jabatan Pertanian 1988, penduduk Jawa berjumlah 9,225 orang daripada hampir 1.5 juta orang penduduk negeri Sarawak. Dengan bilangan yang sedikit, mereka tidak begitu dikenali. Masyarakat Jawa tidak terdapat di seluruh negeri Sarawak. Tumpuan petempatan mereka hanyalah di Bahagian Kuching iaitu daerah Penrissen dan daerah Matang. Daerah-daerah kecil ini menjadi tumpuan kerana dahulunya ia merupakan estet getah yang menjadi tempat sumber rezeki.

Masyarakat Jawa di Kampung Sri Arjuna ini mempunyai identitinya yang tersendiri dalam menjalani kehidupan seharian. Mereka nampaknya begitu giat dalam lapangan pertanian. Ini jelas sekali kelihatan jika kita mengunjungi rumah-rumah mereka. Pelbagai jenis tanaman sayuran, buah-buahan dan ubi kayu serta pelbagai lagi tanaman sampingan tumbuh subur di persekitaran rumah.

Masyarakat Jawa boleh dikategorikan sebagai sebuah masyarakat yang rajin. Sepanjang pengkaji melakukan pemerhatian, pengkaji mendapati sesetengah mereka tidak henti-henti melakukan pelbagai kerja. Selepas menoreh getah, mereka akan melakukan kerja-kerja lain di kebun. Orang perempuan juga akan ke kebun membantu suami mereka. Anak-anak gadisnya juga turut terlibat sama dalam kerja-kerja pertanian, malahan kanak-kanak terutama mereka yang berumur lapan tahun ke atas selalunya dibawa ke kebun untuk membantu keluarga masing-masing.

Namun, apa yang menyedihkan ialah walaupun masyarakat Jawa di kampung ini begitu rajin berusaha, mereka tidak juga hidup mewah atau

menjadi kaya. Kerja-kerja yang dijalankan kebanyakannya tidak dibuat secara sistematik. Mereka bekerja sepanjang masa tetapi hasil yang diperolehi tidak seberapa. Disebabkan keadaan ini, golongan muda lebih cenderung untuk mencari pekerjaan di luar sektor pertanian. Dengan adanya kecenderungan seperti ini, maka berkuranganlah pula tenaga kerja dalam bidang pertanian. Golongan muda yang mempunyai pelajaran sememangnya tidak berminat dalam lapangan pertanian. Mereka akan bekerja di sektor lain terutamanya dalam perkhidmatan kerajaan.

Organisasi sosial masyarakat Jawa juga mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Institusi-institusi sosial seperti majlis kenduri perkahwinan dan lain-lain lagi dijalankan dengan pehuh adat istiadat tradisional mereka. Walaupun terdapat beberapa perubahan iaitu dengan meminjam atau mengikuti ciri-ciri tertentu dari masyarakat Melayu, misalnya perkahwinan, tetapi cara-cara ia dijalankan tetap mengikut adat istiadat Jawa. Kecenderungan anak-anak muda untuk berkahwin campur mengakibatkan beberapa perubahan ini.

Perubahan pada pandangan, sikap dan nilai masyarakat Jawa jelas dengan penerimaan unsur-unsur baru yang diasimilasikan dalam kehidupan seharian mereka. Masyarakat Jawa di kampung ini mula menerima unsur-unsur moden dalam kehidupan. Mereka menerima rancangan pembangunan kerajaan yang bertujuan menaikkan taraf hidup masyarakat, walaupun setengah-setengah rancangan ini bercanggah dengan kegiatan tradisi mereka. Penerimaan unsur-unsur baru ini adalah didorong oleh perasaan ingin maju setanding dengan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat lain.

Sikap mereka yang pada suatu masa dahulu hanya mementingkan penanaman getah tanpa menghiraukan perkara-perkara lain telah mulai berubah. Anak-anak muda yang tidak mahu lagi bergiat dalam bidang pertanian tidak lagi dihalang. Kepentingan ekonomi keluarga mula diutamakan. Mereka menyedari bahawa mereka tidak akan pernah mampu untuk membeli barang-barang keperluan moden sekiranya hanya mengerjakan kebun getah sahaja. Sebaliknya, anak-anak yang makan gaji diharap dapat menyumbangkan sedikit wang kepada keluarga masing-masing.

Anak-anak dihantar ke sekolah supaya dapat belajar dan menimba pengetahuan. Pelajaran diakui dapat mengubah nasib sesebuah keluarga. Pelajaran juga dianggap peluang rakyat untuk memperbaiki kehidupan. Masyarakat Jawa di kampung ini sudah mulai mempunyai pandangan jauh terhadap masa depan anak-anak mereka. Pandangan mereka sudah berbeza dengan pandangan ibu bapa pada zaman awal merdeka. Ketika itu, ibu bapa lebih suka anak-anak mereka membantu dalam kerja-kerja di ladang dan kebun. Kini, ibu bapa sanggup menghantar anak-anak mereka untuk belajar di tempat yang jauh, terutamanya di maktab-maktab perguruan di Sarawak.

Sikap terbuka masyarakat kampung terhadap unsur-unsur baru ini sedikit sebanyak mendorong mereka berusaha dengan gigihnya untuk mencapai apa yang dihajati. Sikap mementingkan kebendaan sudah mulai meresapi penduduk. Walaupun sikap ini tidak begitu menonjol, tetapi masing-masing ingin mendapatkan sesuatu yang lebih daripada orang lain.

Orang-orang Jawa memang terkenal dengan hal-hal perubatan tradisional. Bagi masyarakat Jawa di Kampung Sri Arjuan ini, hampir

semua mengetahui sedikit sebanyak mengenai perubatan tradisional yang diperolehi daripada keluarga masing-masing. Selain ilmu perubatan, terdapat juga ilmu-ilmu lain yang diamalkan. Masyarakat Jawa di sini menganggap ilmu-ilmu ini sangat penting dalam kehidupan yang turut menjadi kebanggaan mereka.

Dua bentuk ilmu iaitu ilmu baik dan ilmu jahat (black magic) dipelajari oleh masyarakat Jawa untuk menjaga diri dari sebarang gangguan. Ilmu yang kerap dipelajari ialah ilmu yang bertujuan baik. Bagaimanapun, peranan ilmu batin dalam kehidupan seharian orang-orang Jawa mulai berkurangan terutama di kalangan anak-anak muda. Mereka tidak lagi berasa takut walaupun mereka tidak mempunyai ilmu tertentu sebagaimana yang terdapat pada keluarga mereka. Kurangnya minat orang-orang muda untuk mempelajari ilmu tradisional ini secara langsung disebabkan oleh pengaruh pelajaran sekular yang diperolehi dari sekolah. Mereka rata-rata kurang percaya pada ilmu tradisional ini.

Penerimaan penduduk Kampung Sri Arjuna ini terhadap perubatan moden nampaknya sudah semakin meluas. Mereka kerap menerima rawatan dari klinik kerajaan yang terdapat di Rajah Charles Brooke Memorial Hospital. Penyakit-penyakit biasa seperti batuk dan demam serta pemeriksaan bayi dalam kandungan sentiasa dirujuk ke klinik.

Ubat-ubat yang dijual di kedai seperti pil panadol, ubat batuk dan sebagainya sering disimpan di rumah dan adakalanya mereka turut membawa ubat-ubatan ini ke kebun sebagai persediaan kecemasan. Namun, apa yang membinasakan pengkaji ialah terdapatnya budaya makan ubat tepung Cap Kaki Tiga di kalangan generasi tua di kampung ini.

Apa yang pengkaji pasti ialah tahap pemakanan ubat tepung ini sudah mencapai ke peringkat ketagih. Lebih menyedihkan ialah tiadanya usaha-usaha untuk menasihatkan mereka tentang bahaya penagihan ubat tersebut hatta keluarga mereka sendiri.

Wanita-wanita yang berdalih pula masih ramai yang menggunakan khidmat bidan atau 'dukun' dalam bahasa Jawa. Ini berdasarkan bahawa mereka lebih yakin dengan proses bersalin secara tradisional terutama dalam soal-soal penjagaan badan selepas bersalin.

Dalam pada itu, masih terdapat golongan tua yang tidak mahu menerima rawatan moden, terutamanya yang melibatkan penahanan mereka di *wed*. Mereka kurang senang dengan layanan yang diberikan oleh pihak hospital.

Perubahan sosio-ekonomi masyarakat Jawa di Kampung Sri Arjuna banyak berlaku secara tidak langsung. Dengan adanya perhubungan mereka dengan masyarakat luar yang lebih maju seperti masyarakat bandar, hilai dan sikap mereka mula dipengaruhi oleh nilai-nilai yang lebih moden. Melalui persekolahan anak-anak kampung dapat belajar perkara-perkara baru yang tidak ada pada keluarga masing-masing.

Jalan raya yang menghubungkan Kampung Sri Arjuna dengan Bandar Kuching dan pekan-pekan kecil yang lain membawa bersama-samanya pengaruh masyarakat di luar. Sikap dan nilai tradisional turut berubah akibat hubungan ini.

Masa depan masyarakat Jawa dan masyarakat Kampung Sri Arjuna khususnya banyak berubah mengikut arus perubahan zaman dan proses pembangunan yang sedang dilaksanakan. Pelbagai implikasi wujud kesan daripada pembangunan sama ada yang berbentuk fizikal mahupun

sosial. Kesan daripada berubahnya sikap anak-anak muda dan juga keluarga mereka terhadap pekerjaan, semakin kurang anak-anak muda yang bekerja dalam bidang pertanian.

Masa depan masyarakat Jawa di kampung ini sebagai satu masyarakat yang mempunyai identiti tersendiri juga menjadi tanda tanya. Hal ini adalah akibat daripada kahwin campur yang berleluasa. Kebudayaan masyarakat Jawa yang tersendiri sudah bercampur-aduk dengan kebudayaan masyarakat lain.

Bilangan anggota masyarakat Jawa juga menjadi persoalan. Kini, terdapat unsur-unsur pengurangan semasa pembancian penduduk dijalankan. Sebagai contoh, ramai pembanci mengkategorikan mereka sebagai Melayu sahaja. Ini bukan semata-mata kesilapan pembanci, tetapi juga kesilapan mereka sendiri kerana mengakui diri sebagai orang Melayu. Keadaan ini sering terjadi bandar apabila orang-orang Jawa ini tinggal bersama-sama dengan masyarakat lain. Bagi mereka, orang Jawa tidak banyak berbeza dengan orang Melayu kerana mereka beragama Islam dan boleh bertutur bahasa Melayu.

Akibat daripada pengurangan ini, bahasa Jawa kurang dituturkan. Ramai penduduk Jawa yang berhijrah ke bandar tidak menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa pertuturan seharian keluarga masing-masing. Ini secara tidak langsung akan melenyapkan identiti Jawa dan bahasa Jawa.

Demikianlah beberapa kemungkinan yang akan berlaku khususnya ke atas masyarakat Jawa di Kampung Sri Arjuna ini. Dengan bilangannya yang minoriti dan berhadapan pula dengan pelbagai cabaran dan perubahan,

masyarakat Jawa khususnya di Kampung Sri Arjuna ini akan terpaksa lebih berhati-hati dalam mengejar kemajuan selaras dengan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat lain. Kemungkinan terhapusnya ciri-ciri tradisional masyarakat Jawa dalam arus kemajuan dan perubahan bergantung kepada masyarakat Jawa itu sendiri untuk menentukannya.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Ibrahim, Islamic Law In Malaya, Ed. Shirle Gordon, Singapore, Malaysian Sociological Research Institute, 1955
- Ahmad Mahdzan Ayob, Kaedah Penyelidikan Sosio-ekonomi: Suatu Pengenalan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988
- Aziz A. Hamid, Poverty and Rural Development in Malaysia, dalam Kajian Ekonomi Malaysia, Jilid 1, Bil. 1, 1964
- , Rencana Ekonomi dan Kemiskinan, Royal Press, Singapore, 1950
- , Poverty, Proteins and Disguised Starvation, Kajian Ekonomi Malaysia, Vol 11, No. 1, Jun 1965
- , Land Disintegration and Land Policy in Malaya, The Malayan Economic Review, Vol 111, No. 1, April 1958
- Brooke, S.S.J., Ten Years in Sarawak, Tinsley Brothers, London, 1962
- Charles, W., Dictionary of Antropology, Little Field, Adam and Co. Totowa, New Jersey 1977
- Dahrendorf, D., On The Origin Of Inequality Among Men, Andre Bataille (ed), Social Inequality, Penguins Book Ltd., England 1970
- Firth R., Malay Fisherman: Their Peasant Economy, Routledge and Kegan Paul Ltd., London 1942
- , The Peasantry of South East Asia, International Affairs, Vol XXVI, No. 4, 1950
- Ishek Shari dan Jomo K.S., "Apekah Dasar Ekonomi Baru Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan", Pembangunan dan Ketidaksamaan, 27 Tahun Selepas Merdeka, Insen 1984, Sun Trader, Petaling Jaya, 1984
- Jackson, D., Poverty, Macmillan, New York, 1972
- Judith Djamour, Kebudayaan dan Perkahwinan Orang Melayu Singapura, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1979
- Linton, R., The Study Of Man: An Introduction, Peter Owen, London, 1965

- Manjit S. Sindhu dan Asmah Ahmad , Sifat Geografi Penduduk, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977
- Mydral, Gunar, The Challenge of World Poverty :A World Anti- Poverty Programme in Outline, New York, Vintage Books, 1970
- Roach J.L. dan Roach J.K., Poverty, Penguin Books, 1972
- Sarjit Singh, Education, Social Origins and Social Mobility in Petaling Jaya, Malaysia dalam Journal of Educational Research, Vol VIII, Faculty of Education, University of Malaya, Okt 1977
- Shamsudin bin Abdul Rahman, Family Planning In The Developing World, (A Review of Programmes) , Ed. Walter B. Watson, The Population Council Inc. 1977
- Shamsul Amri Baharuddin, "RMK : Tujuan dan Perlaksanaannya", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1977
- Sorokins Patirim, Social Mobility in Social and Culture Mobility, The Free Press, 1959
- Sritua Arief, Pengantar Ekonomi, Abbas Bandung dan Pustaka Melayu Baru, 1969
- Syed Husin Ali, Social Stratification in Bagan, JMBRAS, 1964
- _____, Malay Peasant Society and Leadership, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975
- _____, Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976
- _____, Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, Kerangkraf, Petaling Jaya, 1978
- Zainal Kling, Pembangunan Masyarakat Di Sarawak: Masalah Alam Sosio-Budaya, dalam Dialog, No. 9, Diterbitkan oleh Pusat Pengkajian Pembangunan Malaysia Cawangan - cawangan Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri, 1978